



MENARIK DI DALAM



SRI Bantu Komersil Kajian

3



Dr. Yaakob diiktiraf Saintis Halal

3



Kit Pantas Kesan Kulit Maut Dihasilkan

5



Alat Pempastur Jimat Tenaga Dicipta

5

WARNA KAMPUS



'Miss Indonesia' Tinggalkan Glamor

11

Konvokesyen UPM ke-33 Kurnia Ijazah 7,597 Graduan

Tun Abdullah Ahmad Badawi dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pertanian

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) melangsungkan Majlis Konvokesyen UPM Ke-33 Tahun 2009 bermula 8 Ogos hingga 11 Ogos 2009 bertempat di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKSSAAS) di sini.

Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengurniakan ijazah doktor falsafah (Ph.D), sarjana (Master), bachelor dan diploma kepada graduan pada hari pertama (sesi pertama).

Majlis pengurniaan ijazah yang melibatkan lapan sesi selama empat hari itu turut disempurnakan oleh dua Pro Canselor UPM iaitu Tan Sri

Dato' Dr. Nayan Ariffin pada sesi kedua, keempat, kelima dan kelapan, manakala Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek pada sesi ketiga, keenam dan ketujuh.

Seramai 7,597 graduan pelbagai pengajian akan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada majlis itu meliputi penerima Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) seramai 141, Ijazah Sarjana (1,072) Bachelor (5,984) dan Diploma (400).

Daripada penerima bachelor seramai 5,984, seramai 417 pelajar mendapat ijazah kelas pertama, kelas kedua 3,968, kelas kedua bawah 1,396 dan kelas ketiga 34," katanya.

UPM turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan

> LIHAT MUKA 5



Foto | Ahmad Fu'ad Alwi

Kulit Kerang Potensi Baiki Tulang

Oleh Ili Syazwani Zahimi



Foto | Salitha Haron

Kumpulan saintis UPM, dari kiri Dr. Bahaa Fakhri Hussein, Prof. Madya Dr. Md Zuki Abu Bakar@Zakaria dan Prof. Madya Dr. Noordin Mohamed Mustapha.

SERDANG - Sekumpulan saintis UPM berjaya menghasilkan produk yang boleh membaiki kecacatan tulang atau merangsang pembentukan tulang menggunakan bahan komposisi bioseramik berliang (Porous Bioceramic Composition) daripada kalsium karbonat yang terkandung di dalam kulit kerang.

Kumpulan saintis seramai lima orang itu diketuai oleh Profesor Madya Dr. Md Zuki Abu Bakar@Zakaria, Jabatan Sains Praktikal Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, UPM telah memulakan kajian sejak tahun 2007 untuk mengganti atau membaikpulih kecacatan tulang haiwan dan manusia disebabkan kanser tulang, kemalangan dan boleh digunakan untuk

pembedahan kosmetik.

"Bahan utama perancah (scaffold) ini ialah kalsium karbonat yang terkandung dalam kulit kerang dan akan dicampur bersama bahan lain seperti dekstrin, dekstran, gelatin dan air untuk membentuk produk ini di dalam acuan khas.

"Perancah tersebut perlu disemai dan dieram dengan osteoblas yang boleh diperolehi daripada sel sum-sum tulang dan dicambahkan dalam makmal kultur tisu sebelum perancah ditanam ke dalam tulang yang ingin dibaikpulih," kata Dr. Zuki pada sidang media Produk Penyelidikan UPM anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Bahagian Komunikasi Korporat di sini.

> LIHAT MUKA 5

Iqbal Cipta Pengesanan Kanser Awal

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abd. Aziz



Foto | Noor Azreen Awang

Dr. M. Iqbal Saripan menunjukkan Pengkolimat Jaringan Wayar yang berfungsi dengan meningkatkan sensitiviti mesin sedia ada untuk mengesan sel kanser peringkat awal bersaiz ~0.1mm.

SERDANG - Dr. M. Iqbal Saripan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta komponen baru atau pengkolimat dalam mesin pengimejan nuklear yang boleh mengesan sel kanser pada peringkat awal.

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi UPM, Dr. Iqbal berkata pengkolimat komponen yang diberi nama 'Pengkolimat Jaringan Wayar' boleh meningkatkan sensitiviti mesin sedia ada untuk mengesan aktiviti sel kanser dalam saiz yang kecil atau pada peringkat awal.

"Pengkolimat ini dipilih kerana ia lebih sensitif mengesan sebarang perubahan dalam aktiviti sel badan manusia dengan menggunakan kaedah simulasi jitu Monte Carlo.

"Pengkolimat sedia ada yang digunakan di hospital seluruh dunia hanya boleh mengesan sel kanser bersaiz ~10mm tetapi pengkolimat saya boleh mengesan sel bersaiz ~1mm," katanya pada sidang media Produk Penyelidikan UPM anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Bahagian Komunikasi Korporat di sini.

Dr. Iqbal berkata pengkolimat

> LIHAT MUKA 10



Perkukuh Jaringan Global

Agar Kekal Relevan Dalam Arus Pendidikan Tinggi Global - NC



Tahun 2009 yang sudah hampir ke penghujung telah melakarkan sejarahnya yang tersendiri. Sesungguhnya sumbangan dan kecemerlangan warga UPM merupakan kebanggaan bersama seluruh warga universiti. Kita harus mengambil iktibar di atas kejayaan yang telah dikecapi dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan keupayaan dan potensi yang dimiliki untuk mencapai kejayaan yang lebih gemilang.

Untuk membina sebuah reputasi antarabangsa, kita tidak boleh hanya bangga dengan pencapaian pada masa lampau yang bersifat kebangsaan, tetapi kita harus membuat perancangan strategik bagi menyebarkan ilmu pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki untuk dimanfaatkan oleh masyarakat global. Ini merupakan tuntutan yang sangat mencabar dan harus kita galas bersama bagi

meneruskan persaingan dalam arena pendidikan tinggi global.

Perancangan strategik secara berterusan perlu dilaksanakan bagi mentransformasikan budaya kerja yang sedia ada kepada budaya kerja berprestasi tinggi. Pelbagai usaha dan tindakan telah dan sedang dilaksanakan oleh Universiti bagi merealisasikan transformasi yang amat penting ini. Antara usaha yang dilaksanakan oleh UPM ialah:

- Menetapkan matlamat untuk mencapai status *World Leader In The New Tropical Agriculture* menjelang tahun 2015;
- Mendapatkan status Swakreditasi dengan melepasi Audit Prestasi Akademik yang bakal diadakan pada awal tahun 2010;
- Mendapatkan pengiktirafan "Anugerah Kualiti Perdana Menteri" bagi tahun 2010 dengan berteraskan kepada pengurusan kualiti yang cemerlang daripada pelbagai jurusan. Pemberian anugerah ini merupakan asas yang penting dalam mewujudkan suasana yang dapat menyemarakkan budaya kerja cemerlang yang berteraskan kualiti;
- Mengekal dan menambah nilai pengiktirafan Universiti Penyelidikan yang telah diberikan kepada UPM sejak tahun 2006, dengan memperkukuh dan melestarikan aktiviti Pembangunan, Penyelidikan dan pengkomersilan secara efektif;

- Membangun dan melaksanakan program inkubator keusahawanan dan pertanian bagi melahirkan siswazah yang berjaya dalam bidang keusahawanan;

- Menerajui kepakaran, idea baru dan pengurusan dalam usaha memperkukuh nilai tambah program Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan sesuai dengan status Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan yang terbaik di Malaysia (*Top Business School*).

Usaha ini amat berkait rapat dengan apa yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2010 yang telah menzahirkan kepentingan inovasi sebagai agenda utama dalam memacu pembangunan Negara. Ia merupakan agenda penting untuk mentransformasi ekonomi negara ke tahap ekonomi berpendapatan tinggi. Oleh itu, Universiti harus menerajui usaha ke arah merealisasikan pemikiran inovatif, amalan dan pertimbangan yang terbaik serta praktikal dalam setiap aspek kehidupan demi mengemilangkan kehidupan masyarakat serta memajukan ekonomi negara.

Dalam konteks Universiti, ia merupakan satu seruan yang memerlukan kesegeraan dalam kalangan semua warga Universiti untuk bersamasama berganding bahu bagi menjayakan inisiatif yang dirancang oleh universiti.

Untuk kekal relevan dalam arus pendidikan tinggi global, kita sebenarnya tidak mempunyai banyak pilihan selain daripada menjadi yang terbaik. Di samping itu, kita perlu memperkukuhkan hubungan jaringan dengan rakan-

rakan kita pada peringkat global dan menerapkan nilai kecemerlangan yang mereka miliki dalam amalan dan pelaksanaan tugas di Universiti. Saya percaya bahawa dengan nilai tambah seperti inovasi, kreativiti dan pengalaman, kita akan berjaya mentransformasikan budaya universiti kepada budaya

prestasi tinggi, yang menyumbang kepada pembangunan negara bangsa dan ketamadunan manusia sejagat.



UPM Institusi Akademik Dunia Teraju Disiplin Pertanian Tropika – Tuanku Canselor

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abd. Aziz



Foto | Marina Ismail

Tuanku Canselor bergambar bersama Tun Abdullah dan penerima Anugerah Universiti selepas Majlis Konvokesyen UPM ke-33.

SERDANG, 8 Ogos – Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah menyifatkan UPM sebagai salah sebuah institusi akademik dunia yang menerajui disiplin pertanian tropika.

Baginda berkata strategi 'pertanian tropika baharu' (New Tropical Agriculture) merupakan pendekatan terbaik dalam memperkukuh ilmu disiplin pertanian tropika yang akan menjadikan universiti lebih proaktif berhadapan dengan cabaran disiplin dalam bidang ilmu ini.

"UPM telah mendefinisikan pertanian tropika baharu sebagai pengeluaran dan pengurusan bio-sumber tropika yang membabitkan kaedah tekno-saintifik dan ekonomi tanpa menjejaskan biodiversiti, ekosistem, kesihatan dan kebajikan masyarakat.

"Beta yakin terhadap keupayaan UPM memberi sumbangan penting kepada pertumbuhan negara melalui penyelidikan bagi menghadapi cabaran pemanasan global dan kehausan sumber yang ketara, seperti tanah, air, minyak dan perikanan," titah baginda pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM.

Baginda turut memuji langkah universiti mengadakan dua jalinan kerjasama akademik, iaitu dengan Sheffield University, United Kingdom dalam menawarkan ijazah doktor falsafah dan Cambridge University, United Kingdom bagi program Master

Sains Pengurusan Tanah.

"Beta berharap kerjasama ini akan melonjakkan martabat pendidikan tinggi negara dan nilai graduan kita ke tahap yang lebih membanggakan dari semasa ke semasa bagi membolehkan negara menyediakan modal insan kelas pertama sebagai pesaing global," titah baginda.

Sultan Sharafuddin turut melahirkan hasrat agar penyelidikan UPM dapat memberi impak kepada masyarakat global dan kaitannya dengan agenda pembangunan masyarakat yang bertamadun tinggi, negara yang makmur dan sejahtera dan ini bertepatan dengan hasrat universiti untuk menjadi peneraju kepada pertanian tropika baharu.

"Beta berharap inisiatif UPM menubuhkan Pusat Kecemerlangan Forensik Alam Sekitar UPM akan berupaya menjadi satu strategi dan pendekatan bestari untuk mengawalselia alam sekitar dari pencemaran bahan toksik dengan penggunaan Teknik Cap Jari (*fingerprinting*) forensik alam sekitar yang membolehkan saintis mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab mencemarkan alam sekitar," titah baginda.

Baginda juga menasihati para graduan agar mengamalkan khazanah ilmu yang diperolehi di UPM demi melahirkan modal insan yang berbilang dan berdaya saing memandangkan era globalisasi kompetitif masa kini menuntut graduan untuk berfikir di luar rangka pemikiran.

UPM-Montpellier II Tingkat Kerjasama Pertanian

Oleh Ili Syazwani Zahimi

MONTPELLIER (Perancis) – Universiti Putra Malaysia (UPM) meluaskan kerjasama pengajaran dan penyelidikan pertanian dengan Universiti Montpellier II (MU2) di sini baru-baru ini.

Mantan Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Ghizan Saleh berkata kerjasama yang dimeterai melalui memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua institusi tersebut berasaskan kesaksamaan dan faedah bersama.

"Kedua-dua pihak berusaha untuk meningkatkan program pertukaran pelajar dan staf dalam kalangan pengajar, pentadbir dan penyelidik termasuk projek penyelidikan pertanian.

"Selain itu, kami juga akan menubuhkan program bersama dan kerjasama lain dalam bidang pertanian yang dipersetujui oleh kedua-dua institusi," katanya.

MoU tersebut berkuatkuasa lima tahun sejak 27 Mac tahun lalu telah ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Presiden MU2, Prof. Dr. Daniale Herin dengan disaksikan oleh Prof. Dr. Ghizan Saleh dan Naib Canselor Perantarabangsa MU2, Prof. Jarome Galy.

Walaupun Montpellier University telah ditubuhkan pada tahun 1289, MU2 bermula pada tahun 1970 dengan mempunyai



Dokumen persefahaman ditandatangani oleh Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah mewakili UPM (dua dari kanan) dan Presiden MU2, Prof. Dr. Daniale Herin (dua dari kiri).

lapan bidang pengkhususan iaitu *Biology and Applications, Chemistry, Network and Telecommunications, Automation and Electrical, Sciences, Informatics, Physics* dan *Business School and Marketing*.

Sementara itu delegasi UPM telah melawat Agropolis International iaitu satu pertubuhan komuniti saintifik yang dianggotai lapan pusat penyelidikan, lima universiti dan tujuh institusi pengajian tinggi di Montpellier terdiri daripada 2,300 orang penyelidik, 7,000 pelatih dan 1,400

juruteknik dalam 112 unit penyelidikan inter-institutional dan interdisciplinary.

Pengarah Agropolis, Dr. Fabien Bouldier ketika memberikan taklimat berkata aktiviti yang dijalankan mereka ialah dalam bidang pertanian, makanan, alam sekitar, biodiversiti dan persatuan.

"Agropolis telah menjadi satu badan untuk mengkoordinasi dan memudahkan hubungan kerjasama di antara institusi dan penyelidik selain menjadi tuan rumah untuk delegasi saintis dalam dan luar negara.

Dr. Yaakob diiktiraf Saintis Halal

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abd. Aziz

SERDANG - Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Yaakob Bin Che Man telah diiktiraf sebagai saintis pertama yang menerima Anugerah Saintis Halal di 'World Halal Research Summit 2009' baru-baru ini.

Prof. Yaakob berkata pengiktirafan itu berdasarkan kepelbagaian kajian dan penyelidikan yang dijalankan bagi mengesan produk yang mengandungi kehadiran sumber haram pada produk makanan, kosmetik dan farmasateukal yang dilarang penggunaannya dalam syaria Islam.

"Kajian dan penyelidikan saya adalah berdasarkan isu semasa yang seringkali menjadi tumpuan saintis bagi menyelesaikan masalah berkaitan dan usaha ini telah dijalankan sejak 10 tahun lalu bagi membangunkan industri halal.

"lanya juga adalah sebagai kaedah bagi memastikan semua kandungan

dalam pelbagai produk dijamin kesuciannya sekali gus kita mempunyai pensijilan halal yang boleh dipercayai di seluruh dunia," katanya ketika ditemui.

Prof. Yaakob berkata projek penyelidikan semasa di Institut Penyelidikan Produk Halal melibatkan kajian analisis makanan yang mengandungi gelatin, lemak dan daging babi dan alkohol yang terkandung dalam makanan.

Melalui kaedah Real-Time PCR (*Polmerase Chain Reaction*) bagi pengesanan DNA babi, kumpulan penyelidikannya turut berjaya memenangi Anugerah Harta Intelek Negara 2009 (AHIN'09) dan juga Anugerah Eureka di Brussel, Belgium baru-baru ini.

Katanya pelbagai kemudahan canggih digunakan bagi mengesan kehadiran sumber haram tersebut antaranya ialah 4 *Dimensional Gas Chromatography Time of Flight Mass Spectrometer (4D GC-TOF-MS)*, *Fourier*

Transform Infrared Spectrometer (FTIR), *HighPerformanceLiquidChromatography (HPLC)*, *Gas Chromatography Flow Ion Detector (GC-FID)*, *Electronic Nose (E-Nose)*, *Differential Scanning Calorimeter (DSC)*, mesin PCR konvensional dan *Real Time* serta *Microplate Reader*.

Beliau berkata semua kemudahan tersebut membantu penyelidik menambahkan ilmu pengetahuan mereka di dalam menguasai pengendalian instrumentasi dan teknik analitikal.

Dr. Yaakob berkata fokus utama ialah memastikan negara mempunyai sistem dan standard halal yang terbaik di dunia di samping memperjuangkan isu tersebut.

Pengiktirafan beliau telah disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Pusat Pameran dan Konvensyen Matrade sempena Pameran Antarabangsa Halal Malaysia (MIHAS) 2009 dan *World Halal Research Summit 2009* kelmarin.



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan anugerah 'World Halal Research Summit 2009' kepada Prof. Yaakob sempena Mihas 2009.

SRI Bantu Komersil Kajian

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh



Naib Canselor UPM bertukar dokumen dengan Steve Clesinski selepas menandatangani MoA di UPM.

PUTRAJAYA - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah bekerjasama dengan sebuah syarikat dari Amerika Syarikat iaitu SRI International menganjurkan kursus latihan yang bertajuk *Disciplines Of Innovation (DOI)*.

Kursus selama dua hari itu telah dihadiri seramai 15 penyelidik dari UPM yang masing-masing telah memiliki lebih daripada satu hasil penyelidikan atau paten.

Menurut Timbalan Pengerusi SRI International Steve Clesinski, kebanyakan institut pengajian tinggi (IPT) tempatan mempunyai kekuatan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) tetapi tidak mahir dalam bidang pengkomersialan.

"Sehubungan itu, SRI International akan membantu IPT ini dengan mencari pasaran yang sesuai untuk proses pengkomersialan hasil penyelidikan tersebut", katanya.

Steve berkata beliau amat kagum dengan kemajuan teknikal yang pesat serta kesungguhan

para penyelidik UPM.

Pengarah ICC Prof. Dato' Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din berkata UPM adalah IPT pertama di Malaysia yang bekerjasama dengan syarikat SRI International.

"Oleh kerana hasil penyelidikan UPM bertaraf antarabangsa tetapi pasaran tempatan adalah terhad, dengan bantuan SRI International yang mempunyai rangkaian di seluruh dunia membolehkan UPM mampu menembusi pasaran pengkomersialan tersebut," katanya.

Beliau berkata melalui kursus ini para penyelidik akan didedahkan kepada kehendak pasaran antarabangsa dan diberi input tentang cara penghasilan produk yang lebih sofistikated dan mempunyai daya ketahanan di pasaran untuk jangka masa panjang.

"Kursus ini juga mampu mendorong para penyelidik daripada pelbagai bidang yang berbeza untuk dan berkongsi kepakaran menghasilkan produk dan teknologi bertaraf antarabangsa," katanya.

Jerebu Beri Kesan Buruk Sektor Pertanian

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abd. Aziz



Prof. Madya Dr. Ahmad Makmom sedang menjawab soalan dari wartawan dalam sidang media di UPM.

SERDANG - Masalah jerebu yang melanda negeri-negeri pantai barat Semenanjung dalam tempoh yang panjang akan memberi kesan buruk kepada sektor pertanian, penternakan dan perikanan.

Ketua Jabatan Sains Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar UPM, Prof. Madya Dr. Ahmad Makmom Abdullah berkata sektor pertanian akan mengalami kekurangan hasil kerana tanaman seperti sayur-sayuran memerlukan cahaya matahari yang cukup untuk tumbesaran.

"Apabila produktiviti tanaman berkurangan kerana jerebu menyebabkan pancaran lemah cahaya matahari, ia boleh menyebabkan kematian tanaman," katanya yang merupakan pakar dalam bidang *Ecophysiology* dan *Landfill Gas Monitoring and Modelling*.

Beliau berkata pembiakan haiwan ternakan juga boleh menurun kerana haiwan berada dalam keadaan stress sementara industri ternakan ikan boleh terjejas kerana tumbuhan alga yang menjadi sumber makanan plankton dan ikan memerlukan cahaya matahari yang cukup untuk membiak.

"Sukar untuk mengatasi kesan jerebu terhadap sektor pertanian selain mengawal peratusan asap kenderaan, asap industri kilang dan pembakaran terbuka dengan menguatkuasakan undang-undang secara tegas," katanya pada sidang media 'Isu Jerebu' anjuran Bahagian Komunikasi Korporat di sini semalam.

Ketua Jabatan Pengurusan Alam Sekitar UPM, Prof. Madya Dr. Mohd. Bakri Ishak pula menggesa negara ASEAN memperbaiki sistem

menangani jerebu yang lebih tegas daripada permuafakatan sedia ada pada tahun 2002 kerana permuafakatan tersebut masih gagal mengambil tindakan punca jerebu negara anggota.

"Perlu ada sistem yang dibangunkan oleh pakar universiti negara ASEAN yang membuat penyelidikan bersama bagi merangka saluran yang jelas seperti pelan tindakan mengawal punca jerebu negara anggota selain negara penyebab perlu menggalas tanggungjawab untuk mengatasinya dengan berkesan.

"Sistem dan modul ini boleh menyelesaikan pertelingkahan untuk keharmonian ASEAN seperti mana Amerika Syarikat dan Kanada tidak bertelingkah jika berlaku hujan asid di Kanada yang berpunca daripada sektor perkilangan Amerika," katanya yang juga pakar dalam bidang *Law of Industrial Waste, Enviromental Law, Local Government Law* dan *Enviromental Law and Planning*.

Beliau turut sependapat dengan Dr. Ahmad bahawa masalah jerebu akan memberi kerugian besar bukan sahaja kepada sektor ekonomi pertanian dan perikanan tetapi sektor ekonomi pelancongan.

Dr. Bakri berkata terdapat 61 kawasan pembakaran terbuka di Riau, Sumatera yang telah menjiskan kualiti udara.

Sidang media tersebut dihadiri Dekan Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Prof. Mad Nasir Shamsudin dan wakil media dari stesen televisyen TV3, RTM, Bernama TV serta wakil akhbar Harian Metro, Sinar Harian, Berita Harian, Kosmo, Bernama Wires dan Bernama Radio.

Revolusi Baru Bumi Hijau - Amanat Pak Lah

Oleh Ili Syazwani Zahimi

SERDANG, 9 Ogos - Tugas negara dalam bidang pertanian masih belum selesai dan usaha perlu dilipat gandakan untuk menjadikan bidang pertanian sesuatu yang menarik, moden dan menguntungkan selain mencipta sumber kekayaan baru demi merealisasikan revolusi baru bumi hijau yang dapat membawa rahmat kepada sejagat.

Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata sektor pertanian merupakan penyelesaian terbaik dalam menangani krisis makanan kerana peningkatan harga makanan telah menyebabkan permintaan terhadap hasil pertanian telah meningkat dengan mendadak.

Amanat beliau disampaikan pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-33 yang berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul

Aziz Shah.

Pada majlis tersebut, Tuanku Canselor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Idris Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah berkenan untuk mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pertanian kepada mantan Perdana Menteri Malaysia Kelima pada sesi pertama majlis konvokesyen tersebut atas sumbangan besar beliau dalam memartabatkan kembali bidang pertanian negara.

"Sekiranya pembangunan pertanian dapat dirancang dan dilaksanakan dengan cara yang betul, negara kita akan mempunyai bekalan makanan yang mencukupi, sumber pendapatan baru akan dapat diwujudkan melalui produk-produk asas tani hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penggunaan bioteknologi.



Beliau turut berkata visinya dalam sektor pertanian di Malaysia amat jelas, iaitu keperluan penggunaan teknologi untuk menjadikan sektor pertanian di negara ini lebih cekap lagi produktif kerana walaupun negara tidak memiliki tanah yang luas tetapi setiap inci tanah diberkati dengan pelbagai kekuatan dan kekayaan.

Tun Abdullah semasa pemerintahannya telah berjaya memacu pembangunan industri asas tani sehingga tertubuhnya sebuah kementerian khusus bagi membangunkan produk-produk pertanian dan turut melancarkan dasar bioteknologi nasional yang bertujuan untuk menambah nilai kepada sektor pertanian negara.

Profesor Emeritus Galak Graduan Terus Terokai Ilmu

Oleh Ili Syazwani Zahimi

SERDANG, 9 Ogos - Dua penerima anugerah Profesor Emeritus dari Universiti Putra Malaysia (UPM) menggalakkan para graduan UPM tidak putus asa untuk terus menerokai ilmu dalam pelbagai bidang secara bersungguh-sungguh.

"Para graduan perlu bersikap positif untuk membentuk minda yang cerdas agar diri terus maju dan anda seharusnya tidak mudah berpuas hati dengan apa yang dicapai.

"Lebih baik kita gagal dalam usaha meneroka sesuatu yang lebih baik dan bermanfaat daripada hanya berdiam diri kerana khawatir menemui kegagalan," kata Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bardaie pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33 sesi kedua, 8 Ogos ketika menyampaikan ucapan balas pengurniaan anugerah tersebut.

Beliau turut berkata mustahaknya pendidikan yang sempurna adalah seribu kali lebih baik dari meninggalkan harta kepada anak-anak.

Dr. Zohadie yang memperoleh ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) di Universiti Cornell, Amerika Syarikat merupakan anak tempatan pertama mempunyai kelulusan Ph.D dalam bidang Kejuruteraan Pertanian dan pernah dilantik sebagai Naib Canselor keempat UPM dari 18 April 2001 sehingga 31 Disember 2005.

Sementara itu, penerima Profesor Emeritus, Prof. Dr. Muhamad Awang berkata usaha gigih pelajar akan berbalas dengan penghormatan yang setimpal tidak kira apa juga bidang yang diceburi.

"Saya sangat menghargai peluang yang diberikan oleh keempat-empat Naib Canselor UPM, Tan Sri Rashdan Baba, Tan Sri Nayan Ariffin, Dr. Zohadie



Pro-Canselor, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek menyampaikan Anugerah Profesor Emeritus kepada Prof. Dr. Muhamad Awang pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33 sesi ketiga.

Bardaie dan kini Datuk Dr. Nik Mustapha untuk merealisasikan potensi diri saya di samping mencurahkan bakti bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat global," katanya ketika menyampaikan ucapan balas pengurniaan Majlis Konvokesyen UPM ke-33 sesi ketiga, 9 Ogos yang berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Beliau menerima Ph.D dengan pengkhususan dalam bidang pencemaran udara dan tumbuhan dari Universiti Sheffield, United Kingdom pada tahun 1979 dan sepanjang kerjaya akademik dan profesionalnya, beliau telah menerbitkan pelbagai artikel (melebihi 300 kertas penerbitan) yang dimuatkan di dalam jurnal berwasit, bab-bab di dalam buku, prosiding seminar dan konferensi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau adalah seorang Profesor



Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie.

Sains Alam Sekitar di Fakulti Pengajian Alam Sekitar UPM dan pernah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik UPM mulai 16 Jun 2000 sehingga 7 April 2005.

Kecemerlangan UPM Diiktiraf Antarabangsa

Oleh Ili Syazwani Zahimi

SERDANG, 9 Ogos - Semua pengiktirafan terhadap Universiti Putra Malaysia (UPM) memperlihatkan kewibawaan universiti untuk meneroka potensi dan bidang baru pada tahap yang lebih mendalam seterusnya membuktikan kemampuan UPM muncul sebagai destinasi pendidikan dan penyelidikan antarabangsa.

Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin (gambar) berkata bukti kewibawaan UPM telah ditonjolkan melalui kejayaan dalam bidang akademik, penyelidikan mahupun kokurikulum oleh warga UPM sendiri.

"Antarakejayaan yang membanggakan adalah kejayaan Dr. M. Iqbal Saripan yang mencipta komponen baharu dalam pengimejan perubatan nuklear, iaitu Pengkolimat Jaringan Wayar yang boleh meningkatkan sensitiviti mesin sedia ada untuk mengesan sel kanser pada peringkat lebih awal dan ini merupakan inovasi baru dalam bidang perubatan kanser," katanya ketika memberi ucapan dan menyampaikan Ijazah Doktor Falsafah GSM, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma kepada 855 graduan di Majlis Konvokesyen Ke-33 UPM pada sesi tiga di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.

Beliau berkata kejayaan lain adalah Pengarah Institut Penyelidikan Halal UPM, Prof. Dr. Yaakob Che Man yang telah diiktiraf sebagai saintis pertama menerima Anugerah Saintis Halal di 'World Halal Research Summit 2009'



Foto | Noor Azreen Awang

dan kejayaan Kumpulan Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan Perladangan Persis (PREFERD) UPM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff mencipta perisian Sistem Sokongan Keputusan Spatial.

Beliau turut memuji inisiatif UPM menganjurkan Persidangan Pemikiran Antarabangsa Kali Ke-14 yang telah menghimpunkan lebih 250 pemakalah yang terdiri daripada pemikir, aktivis dan individu berminda inovatif, kreatif dan kritis dari seluruh pelusok dunia.

"Saya berharap usaha murni ini dapat diteruskan dan berupaya diterjemahkan secara praktikal oleh para graduan dan alumni UPM kerana kejayaan persidangan tersebut turut diakui oleh Jawatankuasa Antarabangsa Persidangan. Justeru, saya sangat berharap kejayaan ini tidak disiasikan," katanya.

UPM Agen Mobiliti Antarabangsa - Lim

Oleh Ili Syazwani Zahimi



SERDANG, 9 Ogos - Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran demi memperkukuh kualiti dan daya saing graduan.

Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek (gambar) berkata UPM melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan penambahbaikan yang relevan selaras arus perkembangan pengajian tinggi global yang memastikan para graduan berupaya bersaing pada tahap yang lebih tinggi.

"Hasrat tersebut disokong dengan penubuhan dana bagi menampung pelbagai program pengantarabangsaan pada peringkat Asia dan global," katanya pada sesi ketiga Majlis Konvokesyen UPM

ke-33 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Beliau berkata aktiviti pengantarabangsaan UPM mencakupi aspek penyelidikan dan pengkormesilan produk melalui pelbagai kaedah bagi meningkatkan penyelidikan universiti ke tahap yang lebih tinggi dan dimanfaatkan oleh masyarakat global.

Aktiviti mobiliti antarabangsa UPM merupakan pelaburan strategik yang diusahakan oleh universiti bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti, kompeten dan bersifat global.

"Usaha ini telah mendapat pengiktirafan apabila pihak Islamic Development Bank yang beribu pejabat di Arab Saudi menganugerahkan UPM Anugerah Islamic Development Bank Prizes for Science & Technology atas sumbangan yang cemerlang dalam bidang saintifik dan teknologi kepada pembangunan negara OIC.

"Selain itu, UPM telah bergerak maju dalam penerokaan ilmu berteraskan inovasi intelek dan penyelidikan universiti dengan menjadi perintis dalam kalangan IPTA dengan menjalinkan kerjasama dengan Syarikat SRI International yang mempunyai rangkaian di seluruh dunia membolehkan UPM menembusi pasaran global dengan lebih berkesan," katanya lagi.

Kit Pantas Kesan Kulit Maut Dihasil

Oleh Ili Syazwani Zahimi

SERDANG, 14 September – Sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya menghasilkan kit pengesanan pantas jangkitan kulit 'candida' yang boleh membawa maut bagi mengatasi masalah kelewatan ujian mengesan jangkitan kulit pada masa kini.

Kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Chong Pei Pei, 38, daripada Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM telah menghasilkan ujian keputusan pantas dalam tempoh 5 jam berbanding diagnosis kaedah konvensional ujian kimia yang memakan masa 5 hari.

Beliau berkata jangkitan kulit di dalam darah dan organ badan disebabkan sejenis kulat yang dikenali sebagai 'candida' yang boleh menyerang sistem imunisasi manusia yang berada pada tahap rendah.

"Terdapat lapan jenis sampel kulat candida yang menjangkiti manusia dan spesis yang paling kerap dikesan adalah spesis 'albicans'. Kesemua kulat

ini mempunyai potensi mengakibatkan maut.

"Individu yang sihat boleh dijangkiti melalui sentuhan kulit manakala individu yang mempunyai sistem imunisasi yang rendah seperti pesakit kanser, pesakit yang menjalani pemindahan organ, bayi pra matang dan warga tua boleh mendapat jangkitan serius di organ dalaman seperti buah pinggang, kaki dan sebagainya, seterusnya menjangkiti sistem pengaliran darah," katanya pada sidang media Produk Penyelidikan UPM anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Bahagian Komunikasi Korporat di sini hari ini.

Beliau berkata kulat candida yang berada di sekeliling manusia dan terdapat dalam usus individu tertentu, akan menjangkiti manusia sekiranya sistem imunisasi seseorang itu rendah.

Katanya kit pengesan itu dapat mengurangkan kadar kematian pesakit kerana ubat boleh dikenalpasti dengan tepat pada masa untuk menyembuhkan pesakit.



Dr. Chong Pei Pei menerangkan fungsi kit pengesanan pantas pada sidang akhbar di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Foto | Ahmad Fua'ad Alwi

Dr. Chong yang memulakan projek kajian tersebut pada bulan Januari 2007 berkata kos untuk kit itu sekitar RM 20 tidak termasuk kos hospital.

Produk itu telah dipaten pada tahun 2007 dan memenangi pingat gangsa pada Ekspo Pameran Rekacipta dan Penyelidikan Inovasi UPM 2009.

> DARI MUKA DEPAN

Pertanian kepada Mantan Perdana Menteri Malaysia ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada sesi pertama iaitu pada pagi 8 Ogos 2009.

UPM juga menganugerahkan Anugerah Profesor Emeritus kepada Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bardaie pada sesi kedua 8 Ogos 2009 sebelah petang dan Prof. Dr. Muhamad Awang menerima anugerah yang sama pada sesi ketiga pada 9 Ogos 2009 sebelah pagi.

Tuanku Canselor berkenan mengurniakan hadiah kepada tujuh pemenang Hadiah Peringkat Universiti bagi lapan kategori iaitu Pingat Emas Canselor kepada Noorhalizam Mohamad Noor (Bacelor Sains Pertanian) yang turut dianugerahkan Pingat Emas Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Rashdan Baba.

Hadiah-hadiah lain ialah Anugerah Pelajaran DiRaja kepada Yussyafiqah Yunus (Bacelor Pengajian Pengguna) dan Lee Pay Chiann (Bacelor Sains Perhutanan), Pingat Emas Alumni kepada Lim Sue Yee (Doktor Perubatan Veterinar), Pingat Emas Yayasan Pak Rashid kepada Shafeeqa Shahrudin (Bacelor Sains Pertanian), Hadiah Agribio kepada Chong Jiu Hui (Bacelor Kejuruteraan - Proses dan Makanan) dan Hadiah Syed Kechik kepada Nur Syuhada Adnan (Doktor Perubatan Veterinar).

Dua program sulung pelajar yang turut bergraduat pada majlis konvokesyen tersebut ialah Bacelor Sains Dietetik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan seramai 33 orang dan Bacelor Sains dan Teknologi Kayu, Fakulti Perhutanan seramai 2 orang.

Produk Lambat Kebakaran Menang Emas Geneva

Oleh Nasreena Hailani

SERDANG – Saintis Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya memenangi pingat emas dalam Pameran Antarabangsa Rekacipta Teknik dan Produk (INTPG) kali ke-37 di Geneva, Switzerland melalui hasil produk yang boleh melambatkan kebakaran bangunan.

Prof. Madya Dr. Sa'ari Mustapha memenangi pingat itu melalui produk *New Prospective Polyurethane Clay Nanocomposites for Fire Retardant* iaitu sejenis lapisan pada konkrit dan kayu yang boleh menjadi penebat atau pelambat kebakaran.

"Memandangkan keberkesanan penggunaan pemadam api dipersoalkan dan didorong oleh desakan meningkatkan keselamatan bangunan daripada sabotaj pegganas, permintaan nanokomposit dijangka akan meningkat pada masa depan," katanya.

Beliau berkata produknya direka menggunakan nanokomposit polyurethane berteknologi hijau hasil minyak bijian.

Dr. Sa'ari turut memenangi pingat perak melalui penyelidikannya yang bertajuk *Application of A Newly Synthesised Poly (Nipam) by Electron Beam Irradiation for Affinity Precipitation of Valuable Enzyme*.

Pingat perak lain dimenangi oleh pensyarah Jabatan Teknologi Makanan,



Dari kanan Prof. Madya Dr. Sa'ari Mustapha, Prof. Madya Datin Dr. Siti Nor Akmar Abdullah dan Prof. Dr. Jamilah Bakar.

Fakulti Teknologi dan Sains Makanan Prof. Dr. Jamilah Bakar dengan produk *Halal Collagen from Freshwater Fish Skins*.

Beliau berkata penyelidikan yang menghasilkan kolagen halal dari kulit ikan air tawar telah digunakan secara meluas sebagai bahan dalam formulasi, pemrosesan makanan, farmasi dan

industri kosmetik.

Bagi pingat gangsa pula dimenangi oleh penyelidik Laboratori Tanaman Perladangan Institut Pertanian Tropika, Prof. Madya Datin Dr. Siti Nor Akmar Abdullah dengan produk *Leaf-Specific Promoter from Oil Palm for Driving leaf-Specific Expression in Transgenic Plants*.

terlibat ialah Prof. Madya Dr. Nordin Mohamed Mustapha dari Jabatan Patologi dan Mikrobiologi Veterinar, Dr. Bahaa Fakhri Hussein dari Jabatan Sains Praktikal Veterinar, Dr. Norimah Yusof dari Institut Tenaga Nuklear Malaysia (MINT) dan Prof. Dr. Alias Saion dari Fakulti Sains, UPM turut terlibat sama dalam penyelidikan produk yang dijamin tidak mempunyai toksik dan kesan sampingan yang bahaya.

yang merupakan Ketua Jabatan Sains Pra-Klinikal Veterinar, Fakulti Veterinar, UPM.

Perancah BioSeramik 3-D Berliang yang menggunakan bahan utama dari kulit kerang merupakan yang pertama dihasilkan di Malaysia telah diuji keselamatan dan keberkesanannya secara in vitro di dalam makmal dan secara in vivo menggunakan haiwan makmal (arnab).

Selain Dr. Zuki, saintis lain yang

Alat Pempastur Jimat Tenaga Dicipta

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abd. Aziz



Foto | Noor Azreen Awang

(Dari kiri) Dr. Hashim Hizam, Prof. Ir. Dr. Norman Mariun, Hishamuddin Jamaludin, Nurul Faezawaty dan Arash Toudeshki bersama anugerah yang dimenangi di Jerman.

SERDANG – Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta mesin pemanas pempastur untuk memproses makanan yang menjimatkan tenaga bagi industri minuman dan makanan melalui alat pemanasan ohmik.

Ketua kumpulan penyelidik berkenaan, Prof. Ir. Dr. Norman Mariun dari Fakulti Kejuruteraan berkata mesin itu menghasilkan tenaga haba dalaman yang boleh menyerap ke dalam makanan bagi mempercepatkan peningkatan suhu yang seragam.

"Produk yang dipastur akan menjadi panas dengan cepat dan sekata dalam tempoh 20-30 minit berbanding pemanas konvensional yang menggunakan tenaga haba dan elektrik berlebihan.

"Proses ini dapat menjimatkan kos pengendalian kerana pihak industri tidak perlu menggunakan pendandang wap yang berkos tinggi," katanya pada sidang media Produk Penyelidikan UPM anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Bahagian Komunikasi Korporat di sini.

Beliau berkata pempasturan juga dapat mengurangkan aktiviti mikroorganisma yang boleh merosakkan makanan malah

makanan yang telah dipasturkan boleh disimpan dengan lebih lama di dalam suhu yang rendah.

Katanya alat tersebut dapat menjimatkan kos modal antara 30 peratus hingga 60 peratus, kos pengendalian 50 peratus hingga 75 peratus lebih rendah dan penjimatan tenaga bahan bakar antara 10 peratus hingga 50 peratus.

Kumpulan Dr. Norman yang melakukan kajian tersebut selama dua tahun berkata sistem pempasturan ohmik itu turut dicipta dalam beberapa ceraian supaya senang dimudah alih.

"Bagi pengusaha Industri Kecil dan Sederhana yang sentiasa mencari alternatif penjimatan operasi, mesin pempastur ini amat sesuai digunakan," katanya.

Mesin pempastur itu telah berjaya memenangi pingat emas pada pameran International Trade Fair Ideas-Inventions-New Product (IENA 2008) di Nuremberg, Jerman.

Selain Dr. Norman, kumpulan penyelidik tersebut terdiri daripada Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Dr. Hashim Hizam; Pegawai Penyelidik, Nurul Faezawaty Jamaludin dan bekas Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Hishamuddin Jamaludin.

> DARI MUKA DEPAN

Dr. Zuki berkata kelebihan lain produk tersebut ialah kos pembuatan yang rendah kerana kulit kerang mudah diperolehi di Malaysia dan berupaya membantu penghasilan pembentukan tulang dengan cepat.

"Kita menjangkakan proses pembentukan tulang akan terhasil dalam masa dua bulan dengan menggunakan perancah ini berbanding kebiasaan tulang akan terbentuk dalam empat hingga lima bulan," katanya

'BOS' Mydin Kongsi Rahsia

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

SERDANG, 17 Ogos - Memupuk sikap keusahawanan pada diri anak-anak sejak kecil supaya mereka beroleh kemahiran pelbagai skil keusahawanan menjadi tunjang kepada Dato' Ameer Ali Mydin menjadi peneraju kepada sebuah syarikat pasaraya besar terkemuka negara iaitu Mydin.

Kata beliau sejak kecil lagi ayahnya mendedahkan pengalaman berharga dalam selok belok keusahawanan iaitu pengurusan wang dan pengurusan kedai walaupun keluarganya hanya mempunyai sebuah kedai runcit kecil di Kota Bharu, Kelantan.

"Apabila balik dari sekolah, saya akan membantu kedai ayah hingga ke petang sambil membuat homework. Ayah tidak akan memberi upah lebih kecuali jika saya mencari wang tambahan melalui cara berniaga dengan kawan-kawan sekolah.

"Sehinggalah saya menyambung pengajian di Amerika Syarikat. Saya bekerja sebagai pembantu restoran dan penjaga tandas untuk mencari wang lebih," Dato' Ameer menyingkap bagaimana minat dalam bidang perniagaan dipupuk sejak kecil oleh ayahnya kepada 600 staf UPM yang hadir dalam majlis perkongsian ilmu bersama beliau yang dianjurkan Pendaftar di sini.

Beliau memberi contoh kejayaan Mydin hasil

sokongan daripada keluarga dan menyifatkan kesatuan keluarga aset penting untuk membangunkan sebuah perniagaan yang berjaya.

Katanya kejayaan Mydin sebagai sebuah syarikat pemborong dan peruncit yang mempunyai 40 cawangan dalam negara banyak disumbang oleh sikapnya yang mengkaji kekuatan pesaing.

"Jangan ambil mudah pesaing kita. Kita boleh *copy and paste* apa kekuatan pesaing," katanya memberi contoh sebuah pasaraya besar terkemuka memandang rendah keupayaan Mydin yang didirikan berhampiran dengan mereka di Subang Jaya tetapi kini membuka mata apabila Mydin mampu meraih majoriti pelanggan.

Dato' Ameer berkata masalah utama usahawan ialah bagaimana untuk memanipulasikan persepsi pelanggan terhadap harga dan kualiti barangan kerana walau sekaya manapun pelanggan mereka tetap prihatin terhadap apa yang mereka belanjakan.

"Dalam perniagaan perkara utama ialah *humility*, seterusnya *work hard and satisfaction*, bukannya terhadap sekadar apa yang kamu lakukan sekarang. *We must passionate what we do*.

"Seseorang pekerja itu tidak berdisiplin jika dia lewat ke sesuatu tempat yang dijanjikan. Lebih baik kita tanamkan sikap hadir lima minit awal



Dato' Ameer menceritakan pengalamannya ketika susah.

dari masa sepatutnya," katanya yang amat mementingkan pengurusan masa untuk berjaya.


Beliau juga tidak menafikan terdapat dugaan di sebalik kejayaannya seperti peristiwa kebakaran cawangan Mydin di Kota Bharu dan ketika sukarnya mendapat kepercayaan bank untuk membiayai pasaraya Mydin di Subang Jaya.

Dato' Ameer memperoleh ijazah dalam bidang

Kimia dari Western Michigan University pada 1979 dan ijazah sarjana dalam bidang Pengurusan Antarabangsa dari Sonoma State University, California pada 1980. Sejak berhenti dari Arab-Malaysia Merchant Bank dan membuka kedai pertama berjenama Mydin sempena nama ayahnya pada tahun 1986, beliau tidak lagi menoleh ke belakang.

Kotler Kongsi Ilmu Pemasaran

Oleh K. Koshelaivani



Syarahan Prof. Dr. Philip Kotler mendapat sambutan lebih 500 peserta.

KUALA LUMPUR - Graduate School Of Management (GSM) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjur syarahan umum Prof. Dr. Philip Kotler bertajuk *The Future of Marketing* untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam bidang ekonomi dan pemasaran dunia baru-baru ini.

Prof. Kotler menyampaikan syarahan di hadapan lebih 500 peserta mengenai hala tuju dan halangan pengurusan pemasaran dunia supaya perniagaan mengalami perubahan seiring dengan peredaran masa agar dapat bertahan seperti menggunakan teknologi internet facebook yang membantu peniaga mengiklankan produk mereka di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Beliau berkata kumpulan sasaran tempatan atau etnik amat penting dalam pemasaran kerana ia merupakan salah satu strategi pemasaran untuk masa depan pemasaran dunia dengan memberi contoh produk McDonald kurang mendapat sambutan penduduk di Filipina berbanding produk makanan segera tempatan yang lebih menepati citarasa golongan Asia.

"Oleh kerana pelanggan merupakan aset sesebuah perniagaan, pandangan mereka harus

dijadikan inspirasi strategi pengeluaran barangan dan perkhidmatan kerana kuasa di tangan pengguna," katanya.

Beliau berkata jika sesebuah perniagaan tidak mengalami perubahan dalam jangka masa lima tahun, maka strategi perniagaan tersebut tidak sesuai.

Pada akhir majlis, GSM menganugerahkan hadiah pelajar UPM terbaik program BBA (Marketing) Award, Tan Sao Thin; GSM Best MBA Project Paper (Marketing) Award, Dayang Haryani; GSM Best MBA Case Study (Marketing) Award, Wong Sheau Wei dan GSM Best MBA (Marketing) Award, Norazlyn Kamal Basha yang disampaikan oleh Prof. Kotler diringi Prof. Dato' Dr. Nik Mustapha.

Kotler yang kini merupakan penasihat kepada penasihat Akademik Antarabangsa GSM pernah menghasilkan buku best seller bertajuk *Marketing Management* terbitan 1967 yang telah diulang cetak lebih daripada 12 edisi.

Kemuncak pengiktirafan yang dicapainya ialah disenaraikan sebagai salah satu Best MBA Schools di Asia oleh majalah *Asiaweek* dan dipilih sebagai salah sebuah daripada dua *Top Business School* Malaysia serta disenarai tempat ketujuh

Canselor Sampai Sumbangan Kepada Anak Yatim

Oleh Ili Syazwani Zahmi



Tuanku Canselor ketika menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim pada Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih di Masjid UPM.

SERDANG, 2 September - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan untuk mencemar duli pada Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih bersama warga Universiti Putra Malaysia (UPM) di Masjid UPM baru-baru ini.

Pada majlis tersebut juga Baginda Tuanku berkenan untuk menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dari beberapa buah rumah kebajikan, antaranya adalah Persatuan Kebajikan Rumah Perlindungan Teratak Nur Insan Kuala Lumpur, Rumah Kebajikan Rukayah, Badan Kebajikan Siti Khadijah Anak-Anak Yatim Selangor dan Rumah Mahaad Tahfiz Darul Fuqaha, Sungai Ramal.

Sumbangan Hari Raya berbentuk wang tunai itu adalah sumbangan dari Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd dan turut diberikan kepada 50 orang

anak yatim dalam kalangan pelajar UPM.

Selepas berbuka puasa, Baginda turut menunaikan ibadah Solat Maghrib, Isyak dan Tarawih bersama-sama komuniti UPM.

Naib Canselor UPM, Dato' Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dalam ucapannya menyampaikan penghargaan kepada Baginda Tuanku yang juga merupakan Canselor UPM atas kesudian Baginda bersama-sama dengan warga UPM dalam acara tahunan UPM tersebut.

Antara tetamu kenamaan yang hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim, Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Pro Canselor, Tan Sri Dato' Rozali Ismail dan Tan Sri Dato' Dr. Nayan Arifin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Syed Jalaluddin Syed Salim dan Exco Negeri Selangor, Yaacob Sapari.

Jabatan Akuakultur Kongsi Kepakaran Ternakan Udang

Oleh Khairil Sarip

JERLUN – Jabatan Akuakultur Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memberi kursus singkat kepada 200 operator dan 20 pegawai teknikal syarikat ternakan Blue Archipelago Bhd. di Air Hitam, Jerlun, Kedah sejak 6 Mei lalu.

Pengendali kursus, Abdullah Abd Rahim berkata kursus selama tiga bulan itu merangkumi aspek pengurusan ternakan udang marin, pemakanan, penyakit, mutu air, biosekuriti, perkembangan industri udang marin negara dan serantau, penyimpanan rekod dan peranan utama operator kolam dalam tugas harian pengeluaran udang marin dari sistem kolam.

“Seramai enam staf UPM terlibat menjayakan kursus tersebut iaitu lima pensyarah Jabatan Akuakultur dan seorang pensyarah Fakulti Veterinar.”
“Jabatan Akuakultur UPM dipilih mengendalikan kursus untuk syarikat



Pakar Penyakit Udang UPM, Prof. Madya Dr. Hassan Daud (kanan) sedang membuat eksperimen kepada peserta

tersebut kerana tenaga pengajarnya berpengalaman serta terdedah dengan aktiviti pengkomersialan dan kerjasama syarikat swasta,”

katanya yang juga Pengajar Khas Jabatan Akuakultur.

Blue Archipelago yang ditubuhkan pada tahun 2007 berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan

akuakultur negara yang bercirikan komersil.

Projek ternakan udang komersil di syarikat itu mengandungi 226 kolam seluas 400 hektar.

Pensyarah Cemerlang dan Kreatif Diiktiraf

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abd. Aziz

SERDANG – Universiti Putra Malaysia (UPM) mengiktiraf pensyarah dan penyelidik cemerlang melalui Majlis Gemilang Akademia Putra (MGAP) dengan tiga anugerah utama di Hotel Pullman Lakeside, Putrajaya baru-baru ini.

Anugerah tersebut ialah Anugerah Pengajaran Putra (APP) untuk pensyarah cemerlang, Anugerah Penyelidik Cemerlang (APC) untuk penyelidik cemerlang dan Anugerah Perundingan (AP) untuk perundingan yang menjana pendapatan universiti.

Tiga anugerah itu merupakan wahana bagi mengenal pasti calon Anugerah Akademia Negara (AAN) yang dianjurkan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada setiap tahun.

Lima penerima APP kategori Pengajar Cemerlang ialah Prof. Dr. Mohamed Ali Rajion dari Fakulti Perubatan Veterinar, Prof. Madya Dr. Samsilah Roslan dari Fakulti Pengajian Pendidikan, Prof. Madya Dr. Saleh Kadzimin dari Fakulti Pertanian sementara Dr. Ooi Peck Toung dari Fakulti Perubatan Veterinar dan Dr. H'ng Paik San dari Fakulti Perhutanan pula menerima anugerah Pengajar Muda.

Penerima APC kategori

Penerbitan Cemerlang ialah Prof. Dr. Mohd Adzir Mahdi dari Fakulti Kejuruteraan dan Prof. Madya Dr. Norhasni Zainal Abiddin dari Fakulti Pengajian Pendidikan sementara Dr. Adam Leow Thean Chor dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul ialah penerima kategori Penyelidik Muda dan Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dari Fakulti Perubatan Veterinar kategori Pengkomersialan.

Lain-lain penerima ialah Prof. Ir. Dr. Mohd Sapuan Salit dari Fakulti Kejuruteraan dengan dua anugerah iaitu Khas Antarabangsa dan Insentif Penerbitan, Prof. Dr. Mohd Adzir Mahdi dari fakulti yang sama menerima Anugerah Penerbitan dan Dr. Syahrilnizam Abdullah dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (Insentif Penerbitan).

Penerima anugerah Insentif Paten (Sijil Paten) ialah Prof. Madya Dr. Wong Shaw Voon dari Fakulti Kejuruteraan, Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abd. Rahman dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Prof. Madya Ir. Dr. Azim Dato' Yahya dari Fakulti Kejuruteraan, Prof. Madya Badlishah Sham Baharin dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan dan

Prof. Madya Dr. Ishak Aris dari Fakulti Kejuruteraan.

Prof. Dr. Maznah Ismail dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Prof. Dr. Mohd Yazid Abd Manap dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan pula menerima Anugerah Pemfailan Paten Tertinggi.

Bagi APR pula penerima emas Anugerah Perunding Cemerlang ialah Prof. Madya Dr. Paridah Md Tahir dari Fakulti Perhutanan dengan projek bernilai RM592,783 dan Prof. Madya Dr. Mohd Kamil Yusuf dari Fakulti Pengajian Alam Sekitar (RM514,000).

Penerima Perak anugerah yang sama ialah Dr. Azliam Aziz dari Fakulti Perhutanan dengan projek bernilai RM447,475, Dr. Amin Mahir Abdullah dari Fakulti Pertanian (RM415,001), Mohd Basri Hamzah dari Institut Perhutanan dan Produk Hutan (RM403,050), Prof. Dr. Mohd Ali Hassan dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (RM300,820) dan Prof. Madya Dr. Awang Noor Abd. Ghani dari Fakulti Perhutanan (RM299,195).

Bagi Anugerah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Cemerlang Dalam Baharin dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan dan

oleh Fakulti Perhutanan dengan projek bernilai RM1,115,450 bagi kategori Emas dimenangi oleh Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan dengan projek bernilai RM995,833, Fakulti Kejuruteraan (RM717,663) dan Fakulti Pengajian Alam Sekitar (RM559,486).

Bagi kategori perak dimenangi oleh Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan (RM463,591), Fakulti Pertanian (RM373,711) dan Fakulti Bioteknologi Sains Biomolekul (RM316,920).

Sementara itu Prof. Madya Dr. Paridah Md Tahir dari Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan memenangi Anugerah Perunding Putra dengan projek bernilai RM592,783.

Dr. Paridah diberi kepercayaan untuk menjalankan dua projek perundingan dengan projek kajian mengenai Sistem Pemantauan dan Audit untuk Program Tanaman Ladang Hutan bersama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia bernilai RM352,783 dan projek Development of High-Grade Oil Palm Stem Plywood for Building Construction bersama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia yang bernilai RM240,000.

Putra LMS dilancar

Oleh Khairil Sarip



Dato' Saifuddin (kanan), Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (dua dari kanan) mendengar penerangan fungsi Putra LMS daripada Dr. Suhaimi Napis.

PUTRAJAYA – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melancarkan Putra Learning Management System (Putra LMS) bagi membolehkan pelajar berinteraksi dengan pensyarah melalui internet untuk mendapatkan rujukan dan nota baru-baru ini.

Putra LMS dibangunkan bertujuan menyediakan platform untuk ePembelajaran dan Pusat Pembangunan Akademik (CADE) UPM bertanggungjawab untuk menyelaraskan portal tersebut.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah berkata Putra LMS merupakan

pembelajaran secara online sebagai satu pusat sehati interaksi secara maya antara mereka.

“Putra LMS ini akan menjadi satu sistem ePembelajaran dan pangkalan data bersepadan yang diguna oleh pensyarah dan pelajar UPM untuk meningkatkan aktiviti pembelajaran dan pengajaran secara berkesan,” katanya ketika merasmikan Seminar Kebangsaan Teknologi dan Inovasi Pengajaran-Pembelajaran 2009 (SKTIPO9) dan pelancaran Putra Learning Management System (Putra LMS) di sini.

Sebelum ini UPM

mempunyai lima LMS yang diuruskan sendiri oleh Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

LMS tunggal UPM dikenali sebagai Putra LMS mampu menampung sehingga 20,000 pengguna dalam satu masa melebihi keperluan semasa UPM.

Ia dijangka dapat digunakan sepenuhnya menjelang semester 1 2009/10 dan beroperasi sebagai LMS tunggal universiti mulai semester II 2009/10.

17 Kolej Kediaman UPM Terima Sijil ISO

Oleh Ili Syazwani Zahimi



Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyerahkan sijil ISO kepada Pengerusi Jemaah Pengetua, Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Jamian sambil diperhatikan oleh Pengurus Besar Kanan SIRIM Bhd, Parama Iswara Subramaniam (tengah).

SERDANG, 10kt – Gabungan 17 buah kolej kediaman Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat sejarah sebagai kolej kediaman Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama yang memperolehi perkongsian sijil MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Pengerusi Jemaah Pengetua, Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Jamian berkata pihak kolej akan mendapatkan pengiktirafan dari 'Malaysian Book of Records' sebagai IPTA

pertama di Malaysia yang memenuhi kriteria pengurusan asrama.

“Dengan terbentuknya Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Kolej bermakna 17 kolej kediaman mendapat satu sistem kerja yang sama, standard serta berkualiti dan akan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelajar,” katanya pada Majlis Pensijilan ISO tersebut di Dewan Putra 1, Kolej Tiga Belas di sini.

Beliau berkata sejak SPK Kolej dibentuk pada tahun 2003, pengurusan

kolej sentiasa mencari inisiatif untuk memperkemas dan memantapkan SPK.

Kolej kediaman di UPM terdiri daripada Kolej Mohamad Rashid, Kolej Kedua, Kolej Tun Dr. Ismail, Kolej Canselor, Kolej Kelima, Kolej Keenam, Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah, Kolej Tun Perak, Kolej Pendeta Zaba, Kolej Sepuluh, Kolej Sebelas, Kolej Dua Belas, Kolej Tiga Belas, Kolej Empat Belas, Kolej Lima Belas, Kolej Enam Belas dan Kolej Tujuh Belas.

Hala Tuju Pengajian Perubatan Veterinar

Bidang Perubatan Veterinar merangkumi siasatan, pengawalan, rawatan dan penyelesaian masalah penyakit semua jenis haiwan yang terbahagi kepada beberapa kategori. Antaranya ialah avian, iaitu spesies keluarga burung, ayam dan itik; haiwan kesayangan (contoh: anjing, kucing, termasuk juga haiwan eksotik); haiwan besar (contoh: lembu, kambing, biri biri, rusa); haiwan rekreasi (contoh: kuda) dan hidupan liar (contoh: gajah, harimau).

Semua ciri sesuatu spesies haiwan perlu diambil kira kerana setiap spesies memerlukan rawatan berbeza berasaskan jenis penyakit, fisiologi dan anatominya. Walaupun sesetengah dadah boleh digunakan sebagai rawatan untuk sesuatu spesies haiwan, ia boleh berubah menjadi toksik kepada spesies haiwan yang lain kerana tidak mempunyai fisiologi, anatomi dan/atau tindak balas yang sama.

Tumpuan juga diberikan kepada isu-isu penting seperti keselamatan makanan, pencemaran dadah, kesihatan awam, penyakit zoonotik (penyakit yang berjangkit dari haiwan kepada manusia), kebajikan haiwan dan hidupan liar.

Universiti Putra Malaysia adalah satu-satunya institusi di Malaysia yang menawarkan pembelajaran yang komprehensif dalam bidang perubatan veterinar, dengan menghasilkan graduan Doktor Perubatan Veterinar (DVM) yang cekap dan berwibawa. Kualiti graduan sentiasa dijaga dengan adanya pemeriksa luar dari universiti-universiti terkemuka luar negara (seperti dari Australia, New Zealand, United Kingdom, Amerika, Canada dan lain lain), yang melaksanakan peperiksaan komprehensif lisan/amali pada tahun akhir.

Ukuran pencapaian (benchmark) adalah berdasarkan standard di universiti terkemuka.

Tempoh bagi program ini adalah selama lima tahun, dimana selain daripada kuliah, amali dan tugas-tugas klinikal, pelajar diberi pendedahan dan latihan di ladang ternakan, makmal diagnosis dan klinik/hospital veterinar, di dalam/luar negara, sebelum mereka bergraduasi.

Projek tahun akhir juga memainkan peranan penting bagi membekalkan pelajar dengan pemikiran yang kritis dan inovatif, melalui pengenalan kepada proses penyelidikan dan penulisan laporan.

Di peringkat pasca siswazah pula, pelajar akan membuat kajian mendalam mengenai sesuatu spesies haiwan, agen penyebab penyakit serta cara diagnosis dan pengawalan penyakit bagi spesies



Foto | Ahmad Fuad Alwi

haiwan berkaitan.

Graduan UPM didapati dengan mudah mendapat tempat untuk menjalani pengajian pasca siswazah di luar negara, termasuk di fakulti veterinar di New Zealand, United Kingdom, Amerika dan Canada.

Universiti-universiti ini sentiasa mengalu-alukan kedatangan graduan UPM untuk melanjutkan pengajian di institusi mereka setiap tahun kerana tahap kualiti tinggi yang wujud sejak sekian lama.

Pendidikan veterinar kini berkembang begitu pesat hingga menjangkau lebih daripada membekalkan pengetahuan perubatan dan pengurusan haiwan tetapi termasuk juga penggunaan model haiwan untuk kajian penyakit manusia.

Skop latihan bagi graduan Doktor Perubatan Veterinar ialah menyediakan graduan untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai kerjaya.

Perubatan veterinar adalah satu kerjaya yang menarik serta mencabar. Antara tugas penting doktor veterinar ialah mengawal dan mengesan penyakit, termasuk yang berbahaya kepada manusia, seperti selsema burung, seterusnya memberikan rawatan dan membuat pengawalan.

Dewasa ini, permintaan terhadap graduan Doktor Perubatan Veterinar adalah tinggi terutamanya daripada sektor swasta seperti klinik haiwan kesayangan dan ladang ruminan kecil.

Ramai graduan juga telah memulakan perniagaan dengan membuka klinik persendirian yang menjurus ke arah perubatan, pencegahan dan kesihatan gerompok atau rawatan untuk haiwan kesayangan individu dan haiwan eksotik.

Selain itu, graduan juga

boleh bertugas di pelbagai ladang ternakan, industri farmasi berkaitan ubatan veterinar, makmal diagnosis, institusi pengajian tinggi, institut penyelidikan, zoo, taman burung, industri kuda, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perhilitan, MARDI, dan lain lain.

Graduan juga mendapat pekerjaan di luar negara, termasuk di New Zealand, Australia, United Kingdom, Amerika, Singapura dan China.

Dalam bidang penyelidikan pula, kumpulan penyelidik UPM menjalankan berbagai kajian berkaitan penyakit haiwan yang penting, termasuk penyelidikan yang berpotensi dikomersialkan seperti penghasilan pelbagai jenis vaksin yang efisien dan murah.

Setakat ini, empat vaksin telah berjaya dikomersialkan, iaitu, tiga untuk spesies avian (vaksin penyakit Newcastle, Fowl Pox dan Infectious Bursal Disease) dan satu lagi untuk penyakit pernafasan kambing (vaksin Pneumonic Mannheimiosis).

Beberapa cabaran perlu dihadapi bagi memastikan pelajar diberi latihan terbaik, termasuk penyediaan prasarana yang sesuai dan selesa, peralatan lengkap serta canggih dan tenaga pengajar pakar yang mencukupi.

Kini, UPM sedang membina bangunan baru untuk Fakulti Perubatan Veterinar dan Hospital Veterinar, yang dijangka siap pada akhir tahun 2009.

Dengan bangunan dan fasiliti baru ini, pengajaran dan pembelajaran akan lebih terkecapan dan lebih ramai pelajar akan dapat diterima untuk setiap sesi kemasukan bagi memenuhi kehendak industri ternakan di negara kita ini.

Temubual oleh Basir Zahrom,
Berita Harian.

Dr. Amini Amir Abdullah
Pegawai Pusat Islam
Universiti Putra Malaysia

MIMBAR TRIBUN
SAYANGILAH RASULULLAH S.A.W

ULUL AL-BAB DAN KONOTASI DOKTOR FALSAFAH



Doktor Falsafah terdiri daripada dua kosa kata iaitu "doktor" dan "falsafah". Perbincangan kita dalam artikel ini mencakupi aspek yang kedua yang menjurus kepada maksud kesarjanaan dan kecendekiaan. Doktor membawa maksud kelulusan tertinggi dalam dunia kesarjanaan yang dicapai selepas peringkat ijazah sarjana di pusat pengajian tinggi. Manakala falsafah pula didefinisikan sebagai pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar ilmu-ilmu lain manakala orang yang memikirkan secara mendalam tentang sesuatu atau berbicara tentang manusia dan kemanusiaan serta kefalsafahan segala sifat. (Kamus Dewan Edisi Empat)

Kamus Dewan (Edisi Keempat) mendefinisikan doktor falsafah sebagai "ijazah yang tertinggi yang diberikan kepada seseorang siswazah lanjutan yang menamatkan pengajiannya dan disertasinya diluluskan oleh majlis yang terdiri daripada para profesor".

Ramai yang tidak mengetahui bahawa ijazah kedoktoran yang membawa gelaran Doktor Falsafah (Doctor of Philosophy) berasal daripada tradisi keilmuan dalam dunia Islam. Bermula pada kurun ke 9 Masehi, dalam tradisi sistem pendidikan Islam (terutamanya di madrasah-madrasah kolej atau institusi pendidikan), ijazah yang menyamai ijazah kedoktoran telah pun diperkenalkan dan dianugerahkan kepada orang yang diiktiraf keilmuannya.

Adalah dipercayai ijazah yang pertama ditawarkan untuk seseorang yang bergelar sarjana ialah Ijazah Al-Tadris wa Al-Iftha' (kebenaran [lesen] untuk mengajar dan mengemukakan fatwa) daripada institusi pendidikan pada Zaman Pertengahan selepas kurun ke 9 Masehi. Ijazah ini dianugerahkan kepada mereka yang benar-benar mahir dalam bidang perundangan Islam.

Walau bagaimanapun ijazah sebenar yang menyamai Doktor Falsafah ialah Ijazah Al-Dukturah yang menjadi amalan di Asia Barat atau Timur Tengah. Sesi viva voce ijazah Doktor Falsafah di Asia Barat dibuka

kepada umum untuk disaksikan secara beramai-ramai bagi membuktikan benarnya keserjanaan dan keintelektualan seseorang calon ijazah Doktor Falsafah. Saya difahamkan bahawa amalan seperti ini pernah dijalankan di beberapa universiti di Eropah suatu masa dahulu. Kenapa ia dimansuhkan sekarang ini tidaklah diketahui.

Universiti-universiti di Eropah pada Zaman Pertengahan (suatu zaman bermula dengan jatuhnya Empayar Rom pada awal abad ke lima hinggalah kemunculan Eropah Moden dengan Renaissancenya pada kurun kelima belas) telah mengadaptasi ijazah kedoktoran tersebut ke dalam semua disiplin ilmu. Sungguhpun ijazah Doktor Falsafah pertama di Eropah (Paris) dianugerahkan pada tahun 1150, standard sebenar ijazah yang menepati maksud sekarang sebagai satu ijazah akademik tertinggi hanyalah pertama kali dianugerahkan di Jerman pada awal kurun ke 19 Masehi.

Di Amerika Syarikat, gelaran "Dr." tidak digunakan di awalan nama berbeza dengan praktis di United Kingdom. Gelaran "Dr." juga kadang-kadang mengelirukan sama ada ia membawa maksud doktor perubatan atau doktor falsafah.

Adakah salah kalau seseorang yang mempunyai ijazah doktor falsafah menggunakan gelaran "Dr" sebagai satu panggilan nama? Barangkali kerana signifikannya begitu besar dalam konteks tradisi keilmuan, ia menjadi satu nama panggilan yang menjadi lumrah dalam dunia akademik di Malaysia.

Jadi istilah Doktor Falsafah membawa konotasi yang unik. Ini kerana orang yang memiliki ijazah ini pandai berbicara tentang manusia dan kemanusiaan walaupun ijazah kedoktorannya itu adalah bidang sains. Hakikatnya, ijazah Doktor Falsafah pada kurun ke 19 hanya ditawarkan untuk bidang teologi, undang-undang dan perubatan. Kemudian ia bercambah mencakupi bidang-bidang lain.

Di sini jelaslah bahawa ilmu itu sentiasa berkembang dan maju. Ini juga tidak semestinya bermaksud mereka yang tidak mempunyai ijazah Doktor Falsafah tidak pandai berbicara tentang manusia dan kemanusiaan.

Walau bagaimanapun, harus diingat program MyBrain15 memerlukan lebih ramai pemegang ijazah Ph.D sebagai pemacu intelektual dan ekonomi negara serta pemerikasaan critical mass dalam Pelan Tindakan Transformasi Pengajian Tinggi Negara. Maka semua pegawai akademik perlu menyahut cabaran ini dengan melakukan tugas secara lebih proaktif dan efisien.

Seperkara lagi, kita kurang memberikan tumpuan kepada

ilmu falsafah dan cabang-cabang ilmu falsafah seperti falsafah alam sekitar, falsafah sains tabii, falsafah ekonomi, falsafah teknologi, falsafah komunikasi dan berbagai-bagai jenis falsafah lagi sedangkan falsafah adalah suatu "pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar ilmu-ilmu lain" (Kamus Dewan Edisi Empat). Ini menyebabkan para cendekiawan lesu berfikir dan tidak mahu berpemikiran kreatif dan inovatif.

Seperkara lagi, tesis Ph.D seolah-olah tidak dianggap sebagai hasil penyelidikan. Sepatutnya ia dianggap hasil penyelidikan tertinggi yang pernah dicapai oleh mana-mana sarjana. Sepatutnya kita menganugerahkan sesuatu pengiktirafan kepada para sarjana kita yang berjaya mempertahankan tesis Ph.Dnya dengan cemerlang. Orang yang mempunyai ijazah kedoktoran sepatutnya juga pandai berfalsafah. Ini juga tidak bermakna orang yang tidak mempunyai ijazah kedoktoran tidak pandai dan tidak cerdik dalam berfalsafah.

Sama ada berjijazah kedoktoran ataupun tidak, apa yang penting ialah, kita (sebagai warga akademia) perlu berfikir dan melaksana. Kita perlu menjadi ahli fikir ataupun apa yang diungkapkan dalam Al-Quran sebagai Ulul Al-Bab. Dalam Al-Quran, Allah s.w.t. telah memperjelaskan maksud Ulul Al-Bab iaitu orang yang berakal sempurna dan beringat sentiasa dengan mengambil pengiktirafan.

Hal ini termaktub dalam firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "(Al-Quran ini) sebuah Kitab Yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad), Kitab Yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatNya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar (Ulul Al-Bab)" (Surah Sad: 29).

Dalam surah yang lain, Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud: "Yang berusaha mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya (pada segi hukum ugama); mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna (Ulul Al-Bab)" (Surah Al-Zumar: 18).

Dalam ayat ini Allah s.w.t. memberikan ciri Ulul Al-Bab yang lain iaitu berakal sempurna, menerima hidayah Allah, berusaha mendengar wahyu Allah dan menuruti perintah Allah s.w.t.. Maka, tradisi intelektual Ulul Al-Bab perlu kita lonjakan semula untuk menggemilangkan Universiti Putra Malaysia dan akhirnya menjadi terbilang!

FEM - PENERAJU PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN MANUSIA

Fakulti Ekologi Manusia (FEM) ditubuhkan pada 1 April 1992 melalui percantuman Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia dengan Jabatan Sains Kemasyarakatan.

Sewaktu ditubuhkan, empat Jabatan telah diwujudkan iaitu Jabatan Pemakanan dan Kesihatan Komuniti, Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga, Jabatan Pengajian Pembangunan Sosial dan Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna.

Dalam era peningkatan pengetahuan dalam pengajian tempatan, satu lagi jabatan iaitu Jabatan Muzik telah ditubuhkan di fakulti ini pada tahun 1996. Pada Januari 2001, Jabatan Pengajian Umum ditubuhkan dan kemudiannya menjadi Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan pada Mei 2003.

Kini FEM terdiri daripada lima buah Jabatan dan satu unit seperti Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Jabatan Muzik, dan Unit Pendidikan Luar dan Latihan Industri.

Dalam tempoh 17 tahun kewujudannya, FEM mendepani penyelidikan sosial untuk menjadi pusat rujukan serantau dalam tempoh 5 tahun lagi.

Ikuti temubual wartawan Tribun Putra, **Khairul Anuar Muhamad Noh** dengan Dekan FEM, Prof. Madya Dr. Laily Paim (gambar) untuk mengulas lanjut pencapaian fakulti.

Tribun Putra (TP): Tenaga pengajar fakulti dan program pengajian?

Pada masa kini, fakulti mempunyai seramai 790 orang staf akademik yang terdiri daripada empat orang profesor, 12 orang profesor madya, 26 orang pensyarah kanan, 21 orang pensyarah dan 16 orang tutor.

FEM menawarkan lima program pengajian iaitu Bachelour Sains (Pembangunan Manusia), Bachelour Pengajian Pengguna, Bachelour Muzik, Bachelour Sains (Pembangunan Manusia dan Pengurusan), Bachelour Sains (Pembangunan Manusia dan Teknologi Maklumat).

Pada peringkat siswazah, FEM manusia menawarkan 11 program ijazah sarjana (master) dan 10 program ijazah doktor falsafah (PhD). Pendaftaran pelajar bachelour ialah seramai 1164 orang dan siswazah seramai 268 orang.

TP : Apakah pencapaian dan pengiktirafan terhadap fakulti yang boleh dibanggakan setakat ini?

Antara anugerah di peringkat antarabangsa ialah pingat emas bagi hasil penyelidikan yang dipertandingkan dalam International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products di Geneva pada tahun 2006 dan

tempat ketiga dalam pembentangan poster penyelidikan di American Agriculture Economics Association (AAEA) dan American Council on Consumer Interest (ACCI) Joint Annual Meeting, pada tahun 2008 di Orlando Florida U.S.A.

Manakala pada peringkat kebangsaan, dalam pameran Malaysia Technology Expo (MTE) 2009 di PWTC, Kuala Lumpur, FEM telah berjaya merangkul pingat emas.

Dari segi penerbitan antara pengiktirafan fakulti adalah jemputan kepada ahli untuk menyumbang penulisan dalam buku yang diterbitkan oleh penerbit ternama seperti Wiley-Blackwell, Roudledge, Polimetrica Scientific Publishers dan Thomas Continuum.

Seorang ahli fakulti satu-satunya Muslim Scholar yang telah dijemput untuk menulis satu bab dalam buku terbitan Wiley-Blackwell setanding dengan 50 scholar antarabangsa lain.

Begitujuga dengan penerbitan ahli fakulti dalam *Biographical Encyclopedia of Muslim Philosophy* yang diterbitkan oleh Thomas Continuum yang hanya menerbitkan karya agong.



Prof. Madya Dr. Laily Paim

“Ramai ahli fakulti yang terlibat secara langsung dalam memberikan input profesional dan akademik kepada kerajaan terutamanya dalam konteks pembangunan belia, kesejahteraan pengguna, perkembangan kanak-kanak, dan pembangunan komuniti dan kelompok minoriti”

Ahli fakulti juga diiktiraf kepakaran mereka melalui pelantikan dalam jawatankuasa dan ahli majlis peringkat kebangsaan dan negeri seperti



Fakulti Ekologi Manusia UPM.

lantikan sebagai Ahli Majlis Penasihat Pengguna Negara, Ahli Majlis Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Pakar rujuk bagi program Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengajian Tinggi. Terdapat juga ahli fakulti yang mewakili Malaysia untuk menghadiri mesyuarat anjuran UNESCO.

Ramai ahli fakulti yang terlibat secara langsung dalam memberikan input profesional dan akademik kepada kerajaan terutamanya dalam konteks pembangunan belia, kesejahteraan pengguna, perkembangan kanak-kanak, dan pembangunan komuniti dan kelompok minoriti, yang menggabungkan pelbagai kepakaran yang ada di fakulti seperti ekonomi, kepenggunaan, keluarga, sosiologi, antropologi, kaunseling, psikologi dan agama.

Program Anak Permata Negara yang diilhamkan dan dinaungi oleh Datin Seri Rosmah Mansor telah melantik beberapa orang pegawai akademik dan pengurusan fakulti sebagai pakar rujuk dan jurulatih program PERMATA negara.

Mereka terlibat dalam membentuk kurikulum dan melatih guru-guru Taman Asuhan Kanak-Kanak di seluruh negara.

Dalam bidang kepenggunaan, sekumpulan ahli fakulti digembeling kepakaran mereka dalam pembentukan modul dan latihan penghayatan penggunaan lestari dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dalam penawaran kursus umum universiti pula, fakulti menjadi model yang dirujuk oleh universiti lain di Malaysia.

FEM jugalah mengusahakan Perjanjian Persefahaman antara UPM dengan University of Leeds, United Kingdom dan dengan

Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu untuk tempoh lima tahun (2008-2013).

TP : Sejauh mana kejayaan penyelidikan dan penerbitan fakulti?

Aktiviti penyelidikan di FEM dikelaskan kepada tujuh teras dengan jumlah geran yang telah diterima sejak penubuhannya seperti yang berikut: Pelaburan Modal Insan (RM984,271), Perancangan Sosial dan Pendayaupayaan Komuniti (RM884,035), Work Family Interface (RM619,268), Pluralism (RM500,596), Budaya dan Muzik (RM670,004), Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak (RM427,800), dan Kajian Pengguna Lestari (RM930,295). Anggaran jumlah

Sdn. Bhd., M. Ghazali Architec, Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional, Kerajaan Negeri Sarawak dan MOSTI yang berjumlah RM5,517,645 pada tahun 2006 dan RM2,986,731 pada tahun 2007.

Sebagai sebuah fakulti sains sosial yang memberi fokus kepada individu, keluarga dan masyarakat sebagai unit analisisnya, penerbitan fakulti tertumpu kepada penerbitan jurnal, buku, bab buku, prosiding konferensi dan seminar selain daripada penulisan dalam media massa dan kemunculan di televisyen.

Penerbitan ini lebih sesuai dan dapat memenuhi tuntutan ilmu pengetahuan yang memberi

TP : Formula kejayaan dan perancangan masa depan fakulti untuk mencapai kecermerlangan?

Fakulti Ekologi Manusia telah mengatur pelbagai program bagi meningkat dan mengukuhkan lagi fungsi utama fakulti iaitu termasuklah yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, khidmat profesional dan pengantarabangsaan.

Pensijilan ISO bagi sistem pengurusan berkualiti Q-FEM dibudayakan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di fakulti.

Semakan program yang ditawarkan oleh fakulti telah dibuat di mana dua daripada program pengajian tersebut telah pun diluluskan semakannya di peringkat LPU dan tiga program lagi telah diluluskan di peringkat senat dan akan dibawa ke LPU dalam masa terdekat.

Untuk penyelidikan, Bengkel Penghayatan Prestasi Pencapaian Tinggi, siri bengkel penulisan, perkongsian hasil penyelidikan dalam dan luar negara, *intellectual discourse* dan sebagainya telah dan akan terus dijalankan.

Aktiviti pengantarabangsaan yang merangkumi jaringan kerja penyelidikan dan latihan yang sedang dijalankan ialah menjemput pakar dan profesional dalam bidang yang ada di fakulti juga giat dijalankan melalui *intellectual discourse* dan penguacutapan.

FEM juga menjejar kecemerlangan, FEM akan meningkatkan usaha menerajui dan mendepani penyelidikan sosial dan berharap dikenali sebagai pusat rujukan serantau dalam masa lima tahun akan datang dan akan bersama UPM mencapai status universiti bertaraf dunia.

PROGRAM YANG DITAWAR

1. BACHELOR SAINS PEMBANGUNAN MANUSIA
2. BACHELOR PENGAJIAN PENGGUNA
3. BACHELOR MUZIK
4. BACHELOR SAINS PEMBANGUNAN MANUSIA dan PENGURUSAN
5. BACHELOR SAINS PEMBANGUNAN MANUSIA dan TEKNOLOGI MAKLUMAT

keseluruhan geran yang diterima sehingga 2007 adalah bernilai RM5,016,269.

Untuk tempoh lima tahun kebelakangan ini, FEM menerima geran antarabangsa bagi program penyelidikan bertajuk *Promoting Active and Productive Ageing in Malaysia* daripada UNFPA, WHO dan HORIBA Corp Japan; geran kerajaan dan swasta daripada pelbagai agensi termasuklah Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Lembaga Zakat Selangor, Bank Negara Malaysia, Persatuan Usiamas, PBT Pasir Gudang, Renewed-Development Sdn. Bhd., PASPEC Corporation

kesan kepada pembangunan keluarga dan sosial negara.

Hasil penerbitan fakulti juga semakin meningkat. Pada tahun 2008, FEM telah berjaya menerbitkan 10 artikel dalam jurnal berwasit, 62 artikel dalam jurnal tidak berwasit, 28 buah buku, 51 bab buku, 52 prosiding, dan 126 penerbitan lain.

Selain itu, ahli fakulti juga terlibat aktif dalam Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi yang dianjurkan oleh RMC, UPM setiap tahun.

Pada tahun 2008 fakulti memenangi satu pingat emas, enam perak dan 11 gangsa.

2,010 Pelajar Baharu Siswazah Lafaz Ikrar

Oleh K.Koshelaivani dan Nur Alifah Ahmad Tajuddin | Foto: Marina Ismail

SERDANG, 20 Ogos - Seramai 2,010 pelajar baharu pasca siswazah semester pertama 2009/2010 Universiti Putra Malaysia (UPM) Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) telah melafazkan ikrar sebagai simbolik untuk mereka memulakan pengajian di kampus ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata jumlah keseluruhan enrolmen pelajar pasca siswazah pada semester ini ialah 8,585 iaitu 6,025 pelajar sarjana dan 2560 pelajar PhD.

"Jumlah 2,429 pelajar antarabangsa pada masa ini memberi petunjuk baik bahawa UPM sebagai destinasi pilihan pelajar pasca siswazah," katanya ketika merasmikan majlis lafaz ikrar di sini.

Beberapa pelajar baharu yang ditemui wartawan Tribun Putra selepas majlis tersebut memberikan reaksi pelbagai apabila menjadikan UPM sebagai institusi pilihan pengajian.

Antaranya Imas Sukaesih Sitanggang, 34, yang memilih UPM dalam bidang Sains Komputer peringkat PhD kerana status universiti itu sebagai salah sebuah universiti penyelidikan bertaraf antarabangsa.

"Saya amat berbangga menjadi salah seorang pelajar UPM dan berharap dapat berkongsi ilmu yang dipelajari di sini dengan pelajar-pelajar saya di Indonesia bila tamat pengajian nanti," katanya yang merupakan



Pelajar baharu siswazah ketika melafaz ikrar di UPM.

pensyarah Universiti Pertanian Bogor, Indonesia.

Rwaveno Bamaiyi, 36, dari Nigeria berkata beliau memilih UPM kerana nama UPM kerap meniti di bibir rakan-rakannya yang belajar di Malaysia sebagai sebuah universiti penyelidikan yang terkemuka di rantau Islam.

"Saya mengambil kursus PhD dalam bidang Public Health di Fakulti Perubatan Veterinar, UPM kerana fasiliti pembelajaran yang lengkap. Lagipun saya berhasrat untuk memberi pendedahan mengenai bidang ini kepada rakyat Nigeria," katanya yang sebelum ini mempunyai ijazah sarjana dari Ahmadu Bello

University, Zaria, Nigeria.

Aiman Dandi, 29, dari Libya berkata UPM menjadi pilihannya kerana kualiti pendidikan yang bermutu dan Malaysia merupakan negara Islam seperti negaranya.

"Saya mengambil kursus sarjana Applied Radiation di Fakulti Sains UPM. Walaupun saya mempunyai ijazah Nuclear Engineering dari Al-Fatah Universiti di Libya tetapi bidang yang saya ambil di UPM ini mempunyai kaitan," katanya yang bercadang untuk bekerja di Malaysia.

Tidak ketinggalan ialah graduan orang kurang upaya (OKU) Nurul Atikah Salim, 22,


yang melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan walaupun baru sahaja bergraduat pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33 baru-baru ini.

"Ilmu yang ada masih belum cukup. Lagipun saya masih belum bersedia untuk bekerja kerana terpaksa menggunakan alat sokongan kaki ketika berjalan," katanya yang berjaya membuktikan kekurangan yang dimiliki sejak lahir tidak membataskan usahanya.

Wartawan Tribun Putra juga turut menemui pasangan adik beradik iaitu Annie Yong Ing Ing, 23, dan abangnya Yong Hua Long, 32,



Nurul Atikah Salim, 22 pelajar OKU.



Rwaveno Bamaiyi, 36 salah seorang siswazah antarabangsa dari Nigeria.



Pasangan adik-beradik, Annie Yong Ing Ing, 23 (kiri) dan Yong Hua Long, 32.

32, kedua-duanya berasal dari Sibu, Sarawak yang sama-sama mengambil kursus MBA.

"Kami membuat keputusan bersama-sama mengambil kursus MBA di UPM kerana

kursus MBA di UPM agak popular dan mempunyai reputasi terbaik," kata Annie yang berjaya memujuk abangnya untuk meneruskan pelajaran bersamanya.

UPM Ambil 4,814 Pelajar Baharu

Oleh Sharifah Azmawati

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) mengunjurkan pengambilan seramai 4,814 pelajar baharu bagi pendaftaran kemasukan semester pertama sesi 2009/2010 pada 27 dan 28 Jun baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata jumlah tersebut membabitkan pelajar bachelors seramai 3,964 orang, Asasi Sains Pertanian 300, sementara 550 pelajar diploma pula mendaftar di UPM kampus Bintulu, Sarawak.

Beliau berkata pada semester kali ini terdapat satu program baharu yang ditawarkan iaitu Bachelors Sains dan Teknologi Alam Sekitar di Fakulti Pengajian Alam Sekitar.

"Kursus-kursus Agro-bio, Sains Tulen, Sains Gunaan, Perubatan dan Kesihatan Bersekutu, Kejuruteraan & Teknikal dan Sains Sosial menjadi pilihan pelajar kesan promosi program pengajian di seluruh negara dan kekuatan kurikulum program tersebut," katanya pada sidang media bersama Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Dato' Saifuddin Abdullah di Kolej 10, UPM.

Turut hadir pada sidang media tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datin

Paduka Dr. Aini Ideris, Ketua Pentadbiran Pengajian Pra Siswazah UPM, Chek Zan Kasah dan Ketua Pusat Kesihatan Universiti, Dr. Yahaya Abu Ahmad.

Katanya jumlah pengambilan pelajar baharu seramai 4,814 itu berkurangan seramai 420 pelajar berbanding 5,234 pada tahun sebelumnya kerana unjuran pengambilan pelajar baharu pra-siswazah dibuat selaras dengan dasar UPM sebagai Universiti Penyelidikan yang akan meningkatkan jumlah pelajar pasca siswazah.

Datuk Dr. Nik Mustapha berkata peratusan gender pelajar baharu ialah 70 peratus pelajar perempuan sementara 30 peratus pelajar lelaki.

Dato' Saifuddin berkata pendaftaran kali ini merupakan kumpulan pertama kemasukan pelajar baharu sejak pindaan Akta Universiti digazetkan pada Februari 2009 yang menuntut era baru di mana mahasiswa dan universiti mendapat kebebasan yang lebih.

Terdahulu, Datuk Saifuddin meluahkan masa meninjau proses pendaftaran pelajar baharu melalui program 'Siri Turun Kampus - Mesra Mahasiswa Baru' di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Tenaga Nasional dan UPM.



Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah beramah mesra dengan pelajar baharu UPM bagi kemasukan sesi 2009/2010 pada pendaftaran di Kolej Ke-12

Pada majlis yang sama, Datuk Saifuddin memperkenalkan atlit bola keranjang negara, Nor Izzati Yaakob yang mendaftar sebagai pelajar baharu UPM program Bachelors Komunikasi.

Pencapaian terbaik Izzati ialah pasukan yang disertainya pernah mendapat tempat keempat pada William Jones Cup di Taiwan pada tahun lalu.

Sementara itu Ketua Pusat

Kesihatan Universiti, Dr. Yahaya Abu Ahmad berkata semua pelajar baharu UPM perlu menjalani saringan Influenza A (H1N1) di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAS) sebelum mendaftar di kolej kediaman masing-masing.

"Semua pelajar baharu dikehendaki mematuhi arahan pemeriksaan kesihatan tersebut sebelum melaksanakan

pendaftaran kolej kediaman bagi memastikan penularan wabak tersebut terkawal," katanya.

Sementara itu, Kolej 11 menerima pendaftaran pelajar orang kurang upaya iaitu Nur Baitul Izzah Nordin, pelajar program Bachelors Biologi yang menggunakan kerusi roda kerana mengikat semulajadi lemah anggota kaki.

"Saya berharap dapat

> DARI MUKA DEPAN

ciptaannya mengubah struktur dalam perkakas konvensional alat pengimejan nuklear Single Photon Emission Computed Tomography (SPECT) yang digunakan secara meluas di Eropah dan Amerika Syarikat.

Beliau berkata hospital tidak perlu membeli mesin baru yang memerlukan modal bernilai RM5 juta sebaliknya hanya menukar pengkolimatnya bagi menggantikan pengkolimat lama pada kos RM30 ribu bergantung kepada harga yang ditetapkan syarikat pengkomersialan.

Katanya berat pengkolimat jaringan wayar itu ialah 39kg dan 51kg berbanding berat pengkolimat konvensional sekitar 100kg.

Dr. Iqbal yang melakukan kajian tersebut selama tujuh tahun sejak tahun 2002 telah berjaya memenangi pingat emas pada pameran Salon International Des Inventions 2008 di Geneva turut menerima ucapan khas tahniah juri.

Selain itu, beliau turut memenangi Anugerah Pengerusi dan pingat emas Agensi Nuklear Malaysia serta pingat perak dalam Malaysian Technology Expo 2007.

menyahut cabaran belajar di UPM dan mendapat kerjasama untuk menjadi graduan UPM yang cemerlang," katanya.

WARNA KAMPUS

Akhir Ceria

TRIBUN PUTRA • Oktober 2009 • Tel: 03 - 8946 6013 • Faks 03 - 8942 2609 • Hubungi e-mel: khal.upm@gmail.com untuk menjadi Gadis Tribun

MENARIK DI DALAM



Ibu Terima
Ijazah Arwah
Anak

› 13



Halizam
Terima Hadiah
Berganda UPM

› 15



Usia Bukan
Penghalang

› 15



Kenderaan
Ciptaan UPM
Naib Juara EIMA
Race


› 17

MISS INDONESIA TINGGALKAN 'GLAMOUR' DEMI UPM

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh
Foto Noor Azreen Awang

BIODATA

Nama penuh:
Evhy Apriyani Jhoni
Umur:
24 tahun
Bidang Pengajian:
Neurologi di Fakulti Perubatan
dan Sains Kesihatan.
Sekolah dan Kolej:
SMAN 1 Sumbawa Besar, Nusa
Tenggara Barat
Universiti Airlangga (bidang
farmasi)
Tempat lahir:
Surabaya
Berat:
48kg
Tinggi:
168cm
Kacukan: Cina Sulawesi (ayah),
Bugis (ibu)



Terpilih sebagai finalis Miss Indonesia 2008 menyebabkan beliau diburu tawaran melimpah ruah sebagai pelakon, pengacara televisyen dan model. Walau bagaimanapun tawaran 'glamour' yang lumayan itu tidak memabutkan semangat Evhy Apriyani Jhoni, 24, untuk menyambung pengajian di negara jiran, Malaysia demi membantu masyarakat bangsanya yang terlibat ketagihan

dadah. "Untuk cepat kaya dan glamour, saya tidak perlu belajar sehingga ke Malaysia sewaktu berada di kemuncak. Walau bagaimanapun sebagai insan, kita perlu mempunyai satu matlamat hidup yang tidak mementingkan diri sendiri supaya boleh berbakti untuk bangsa dan negara," katanya. Sebaik sahaja tamat Miss Indonesia, Evhy tidak menunggu lama

memilih Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk meneruskan pengajian sarjana Psikologi dalam bidang neurologi di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. "Saya membuat penyelidikan stimulant drug kesan dan khasiat daun ketum, iaitu evaluation of chronic administration of mitragynine on mice sebagai alternatif kepada morfin. Ia berbeza dengan rawatan menggunakan morfin yang boleh merosakkan otak dan memberi kesan

“ Untuk cepat kaya dan glamour, saya tidak perlu belajar sehingga ke Malaysia sewaktu berada di kemuncak. Walau bagaimanapun sebagai insan, kita perlu mempunyai satu matlamat hidup yang tidak mementingkan diri sendiri supaya boleh berbakti untuk bangsa dan negara. ”

depressed.

"Apabila tamat belajar, saya bercita-cita untuk bekerja dengan Badan Narkotik Nasional di Indonesia. Dengan cara itu saya mampu untuk menyumbang pengetahuan saya bagi merawat masalah ketagihan dadah," katanya yang kini dalam semester tiga.

Evhy yang berasal dari Surabaya menjuarai Miss (wilayah) Nusa Tenggara Barat terlebih dahulu sebelum terpilih memasuki Miss Indonesia dan dimahkotakan sebagai Miss Congeniality.

Sejak setahun berada di negara ini, beliau mudah menyesuaikan diri terutama mempunyai rakan-rakan dan penyelia rakyat Malaysia yang ramah dan mudah mesra walaupun pada peringkat awal mempunyai masalah makanan dan keserasian pergaulan.

"Selain faktor kos pengajian yang murah, UPM mempunyai kemudahan peralatan makmal dan perubatan serta perpustakaan fakulti yang lengkap," katanya.

Menyentuh mengenai pandangan negatif rakyat Indonesia terhadap Malaysia kebelakangan ini, beliau berharap media massa negaranya menghentikan usaha memburuk-burukkan Malaysia demi penyelesaian pelajar yang sedia terjalin antara dua negara.

Berperwatakan lembut dan sopan, tiada siapa menyangka gadis ini mempunyai tali pinggang coklat Karate-Do dan menceburi aktiviti lasak seperti scuba-diving, mendaki gunung dan menerokai hutan.

Terminal Editor



Kecemerlangan Akademik dan Penyelidikan

Pastinya saban tahun setiap IPT mengadakan Majlis Konvokesyen masing-masing bagi meraikan kejayaan para pelajar menamatkan pengajian baik peringkat Diploma, ijazah Bachelor, Master mahupun Doktor Falsafah. Di pihak pelajar rasa gementar dan berdebar sebaik sahaja giliran nama masing-masing dipanggil untuk menerima ijazah di Majlis Konvokesyen tersebut. Perasaan gementar itu ada asasnya bilamana memikirkan akan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebaik bergelar graduan dan menjawab pelbagai jawatan di sektor awam atau swasta. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada graduan yang pastinya berbangga dengan kejayaan yang diperolehi. Pelbagai cabaran telah diharungi oleh para graduan dan Tribun Putra keluaran kali ini berkongsi pelbagai cerita di sebalik kejayaan mereka.

Pastinya para graduan masih dapat mengingati pengalaman yang telah dilalui serta ilmu pengetahuan yang ditimba di kampus. Adakah ianya sudah mencukupi bagi mengharungi cabaran alam pekerjaan di luar sana? Masih teringat sewaktu mendaftar pada hari pertama di mana pesanan dan harapan disampaikan oleh para pengurusan tertinggi di fakulti masing-masing dengan tiga cabaran utama iaitu berjaya mengungguli prestasi akademik dengan ukuran pencapaian CGPA 3.50 ke atas, mempunyai tahap kemahiran komunikasi lisan dan tulisan dalam Melayu dan bahasa Inggeris, dan mempunyai jati diri yang tinggi seperti berani mencuba, inovatif serta kecekapan membina jaringan sosial. Kecemerlangan akademik yang baik dan berketrampilan, beretika, matang serta bersahsiah tinggi sememangnya amat diperlukan oleh para majikan.

Sewaktu di kampus dahulu, penglibatan seseorang individu pelajar dalam bidang atau aktiviti sukan dan aktiviti ko-kurikulum memang terbukti mampu membentuk sifat serta ciri individu yang lebih dinamik dan berketrampilan. Seseorang pelajar itu akan dilihat mempunyai ciri-ciri kepimpinan, lebih berdaya saing, tidak mudah berputus asa dan terserlah sifat berani menghadapi cabaran dalam dirinya, jika pelajar itu melibatkan diri serta aktif dalam aktiviti tersebut. Tribun Putra keluaran kali ini juga memfokuskan kejayaan demi kejayaan bidang penyelidikan di UPM. Seperti yang telah diketahui, penyelidikan merupakan salah satu daripada bidang utama atau 'core business' bagi sesebuah universiti di mana komponen pentingnya termasuklah penulisan hasil ilmiah penyelidikan, penciptaan produk, rekaan, kreativiti serta inovasi hasil dari proses penyelidikan.

Penyertaan para penyelidik di pameran-pameran setidak-tidaknya dapat menyebarkan hasil-hasil penyelidikan, berkongsi idea dengan rakan sepenyelidikan dari dalam dan luar negara serta diharapkan dapat menarik usahawan untuk mengkomersialkan produk-produk penyelidikan mereka suatu hari nanti. Lazimnya projek yang dipamerkan merangkumi ciptaan dan rekaan inovasi termasuk pengkomersialan projek-projek kajian pelbagai bidang seperti sains, kesihatan, teknologi, kejuruteraan, pertanian, teknologi hijau serta bidang lain yang berkaitan.

Kini banyak 'intellectual infrastructure' yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi membantu para penyelidik menjalankan kajian dan aktiviti penyelidikan masing-masing. Pembudayaan penyelidikan dalam kalangan ahli akademik IPT tempatan terus dipertingkatkan termasuklah kerjasama strategik dengan pihak industri bagi membawa keupayaan penyelidikan dan kekuatan inovasi negara ke satu tahap yang lebih tinggi.

PROF DR SIDEK AB AZIZ
Ketua Editor Eksekutif

132 Belia Komanwel Melawat UPM

Oleh Mohd Faisal Md.Noor



Belia Komanwel mencuba untuk mengacau dodol di Bukit Ekspo UPM.

SERDANG - Seramai 132 belia dari 27 buah negara Komanwel berkunjung ke Universiti Putra Malaysia (UPM) sempena Persidangan Menteri-Menteri Pelajaran Negara Komanwel ke-17 baru-baru ini.

Kunjungan tersebut bertujuan untuk menunjukkan belia terlibat tentang sistem pengajian, suasana kampus dan kemudahan di UPM seperti Perpustakaan Sultan Abdul Samad serta mengenali budaya tempatan.

Pengarah Bahagian Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Zelina Zaiton Ibrahim telah memberi taklimat dan mengendalikan soal jawab

mengenai program pra siswazah dan pasca siswazah di UPM.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah ketika merasmikan lawatan tersebut di Panggung Percubaan UPM berkata UPM menjadi pilihan ideal kepada pelajar luar negara kerana kedudukannya yang strategik dengan Multimedia Super Corridor (MSC) di Cyberjaya dan status Putrajaya sebagai bandar berteknologi tinggi.

Seorang peserta New Zealand, David Archunorist pula berpendapat daya tarikan UPM yang penuh dengan keindahan alam semula jadi berbanding dengan universiti

luar negara lain merupakan kelebihan untuk menarik pelajar luar negara.

Selain budaya tempatan yang dipertontonkan iaitu tarian pelajar oleh kumpulan Adi Mastuli dan Putra Kalakshetra, pelawat juga dijamu dengan juadah tempatan hasil produk UPM seperti dodol, ketupat, sate dan buah-buahan tempatan.

Kebanyakan belia komanwel tertarik dengan aktiviti yang disediakan oleh UPM dan tidak melepaskan peluang untuk mengacau dodol dan memuji keenakan buah-buahan yang terdapat di UPM selain bermain congkak.

Foto | Noor Azreen Awang

Sejenak... Bersama Awang Kampus



Pertama sekali Awang mohon maaf jika coretan kali ini mengguris hati individu tertentu di UPM. Percayalah, apa yang ingin diperkatakan ini demi menjaga nama baik universiti tercinta di hati pengamal media massa.

Antara tugas utama Awang di UPM ialah untuk memupuk kesedaran perhubungan media dengan warga universiti berdasarkan pengalaman Awang selama 14 tahun sebagai pengamal media. Walau bagaimanapun, Awang sedih jika ada antara kita sendiri menghancurkan 'jambatan' kemesraan media yang dipupuk selama ini secara sadar atau tidak.

Isu pertama beberapa staf di sebuah fakulti telah memanggil pihak media televisyen untuk menggambarkan kononnya universiti 'rakus' menebang pokok ketika membangunkan sebuah kompleks pengajian yang baru. Apakah mereka tidak sedar UPM telah menanam semula pokok hutan seluas 80 hektar di Serdang dan Bintulu, Sarawak? Apakah mereka tidak sedar kehijauan meluas di UPM? Apakah mereka tidak sedar fakulti mereka tidak wujud jika UPM enggan menebang sebarang pokok? Tindakan mereka menyebabkan media memandang serong niat universiti.

Isu kedua ialah apabila media memberikan publisiti secara percuma pada setiap program fakulti, pihak fakulti jangan berkira dari segi makan minum dan yuran penyertaan apabila media datang membuat liputan. Awang amat malu apabila ada antara kita menyekat kebebasan media membuat liputan pada satu program UPM baru-baru ini. Pihak media terbabit amat kecil hati dengan sikap individu penganjur terbabit dan enggan memberi liputan kepada UPM lagi, sedangkan Awang dan teman-teman bersungguh-sungguh membina jambatan kemesraan dengan media.

Isu ketiga apabila Awang mencadangkan sesuatu perubahan pada majlis demi untuk kepentingan media, hormatilah cadangan itu sebab Awang lebih lama makan garam. Tetapi apabila ada pihak yang menghalang cadangan itu, akhirnya berlaku ketidakpuasan mendalam di hati pengamal media. Tidak gunalah Awang duduk di posisi ini jika pengalaman media Awang tidak dihormati, malah keputusan Awang juga sering mendapat campur tangan daripada mereka yang tidak celik media.

Pihak media datang ke sini dengan tujuan memberi publisiti percuma. Mereka tidak mempunyai masa yang banyak untuk menunggu terlalu lama. Jika mereka ingin menemubual pihak atasan, kita perlu segerakan sebelum jaman bermula. Jika terpaksa menunggu terlalu lama, mereka akan lambat balik ke pejabat untuk menulis berita dan lewat ke assignment lain.

Awang - Pernah pulaukan 5 majlis sepanjang menjadi wartawan kerana sidang akhbar terlalu lambat demi untuk menyedarkan penganjur agar menghargai masa wartawan. Menjaga kepentingan majlis yang dihadiri oleh 100 tetamu sama pentingnya seperti menjaga kepentingan media yang menulis untuk 3 juta pembaca.

Senyum Tribun

Ilustrasi: Azreen Skrip: Shahrul Azli



EDITORIAL TRIBUN PUTRA 2009

Ketua Editor Eksekutif
Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz

Timbalan Ketua Editor Eksekutif
Abdullah Arshad

Ketua Editor
Khairul Anuar Muhamad Noh

Pemberita
Ili Syazwani Zahimi
Noor Eszereen Juferi
Mohd Faisal Md. Noor

Sub-Editor (Bahasa Melayu)
Ahmad Yusoff Buyong

Sub-Editor (Bahasa Inggeris)
Sabrina Mahili

Pembantu Pemberita
Nor Azizah Sabirin
Kalpana Subramaniam

Penulis Bersekutu
Dr. Lim Swee Tin
Dr. Amini Amir Abdullah
Mohd. Nazri Md. Yasin
Sharil Nizam Sha'ri

Ketua Jurugambar
Ahmad Fua'ad Alwi

Jurugambar
Noor Azreen Awang
Marina Ismail

Layout & Konsep
Khairul Anuar Muhamad Noh

Perunding Grafik
Arafat Mashhuri Awang

Pemasaran
Mohd Rosli Hanafi
Kamarul Abu Bakar
Ahmad Hisham Ayub

Penyelenggara Online
Mohd Mazlimin Omar

Tribun Putra diterbitkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Putra Malaysia. Tujuan penerbitan untuk menyampaikan maklumat di sam-

ping pelbagai rencana, berita, laporan semasa berkaitan bidang pendidikan dan penyelidikan negara.

Surat-surat dan kiriman artikel/berita/rencana hendaklah di alamatkan kepada:

Editor Tribun Putra
Bahagian Komunikasi Korporat
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor

Telefon: 03-89466013
Faksimili: 03-89422609

Emel: ka_khairul@putra.upm.edu.my

Khairul Anuar Muhamad Noh
Wartawan & Editor (013-3957650)Ili Syazwani Zahimi
Pemberita (012-3764581)Nadia Shaiful Bahari
Pemberita PelatihLiputan Konvo oleh Pasukan Pemberita Seksyen
Media BKK untuk Tribun Putra dan Laman Web UPM

Ibu Terima Ijazah Arwah Anak Pelajar Susah Impi Bina Rumah Ibu Bapa



Tan Sri Lim Ah Lek (tengah), Tan Sri Dato' Dr Nayan Ariffin (dua dari kiri) dan Naib Canselor UPM (kiri) menenangkan ibu Faez, Normala Yahya.

SERDANG, 10 Ogos - Seorang ibu kepada pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah meninggal dunia menerima ijazah arwah anaknya pada majlis penyampaian khas ijazah oleh Pro Canselor UPM, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek sempena Majlis Konvokesyen UPM ke-33.

Ibunya, Normala Yahya, 51 berkata Allahyarham, pelajar Bacelor Sains Perhutanan, Fakulti Perhutanan meninggal dunia pada 15 April lalu di Hospital Serdang setelah menghidap meningitis, penyakit radang selaput otak dan saraf tunjang.

"Pemergian arwah Faez memang satu kehilangan besar kepada keluarga kerana dia anak lelaki pertama dalam keluarga yang berhasrat untuk mengikut jejak langkah tiga kakaknya yang juga graduan UPM. Mohd Faez berazam untuk mengubah nasib keluarga kerana ayahnya cuma bekerja sebagai pengawal keselamatan di Ipoh.

"Arwah berazam untuk tamatkan pengajian lebih awal dan mampu menyudahkan pengajian dalam tempoh 5 semester sahaja," kata ibunya dengan nada sebak.

Beliau sangat terkilan kerana Faez sudah membeli sepasang kasut baru untuk menghadiri majlis konvokesyen.



Nor Afzan Ramli menunjukkan ijazahnya kepada kedua-dua ibu bapanya yang kesempatan.

SERDANG, 9 Ogos - Impian seorang pelajar miskin untuk membina sebuah rumah buat ibu bapanya bakal menjadi kenyataan apabila dia akan memulakan karier sebagai guru tidak lama lagi.

Bagi Nor Afzan Ramli, 24 kesempatan hidup keluarganya menyebabkan mereka terpaksa menumpang di rumah saudara mereka kerana pendapatan ayahnya sebagai pengawal keselamatan sekitar RM650 sebulan perlu didahulukan untuk

perbelanjaan harian sekeluarga berbanding keperluan membina rumah sendiri.

"Saya menggunakan pinjaman PPTN untuk membiayai pengajian saya di UPM. Saya memang tak pernah minta duit dari ayah kerana tahu adik-adik lain lebih memerlukan, jadi saya terpaksa berjimat cermat dan tak pernah berbelanja mewah," katanya selepas Majlis Konvokesyen UPM ke-33 di sini.

Afzan yang merupakan pelajar Bacelor Pendidikan turut

mengimbas kembali bagaimana beliau mengambil kesempatan membantu emaknya mengambil upah menoreh getah ketika cuti semester untuk menampung perbelanjaan harian keluarga selain membeli buku sebaik semester baru dibuka.

"Kesempatan hidup kami sekeluarga menjadi azam kepada saya untuk membina kehidupan yang lebih baik," katanya yang merupakan pelajar jurusan Pengajian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama.

Kecacatan Bukan Halangan



Nurul Atikah Salim bersama keluarganya selepas menerima ijazah.

SERDANG, 9 Ogos - Graduan kurang upaya, Nurul Atikah Salim, 22 berjaya membuktikan kekurangan yang dimilikinya sejak lahir tidak membataskan usahanya untuk mengunggam segulung ijazah pada hari kedua Majlis Konvokesyen kali ke-33 di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Mengikuti jejak langkah bapanya, seorang pegawai bank menyebabkan beliau mengambil jurusan

pentadbiran perniagaan dan kini menyambung pengajian peringkat sarjana di UPM.

Berbeza semasa di sekolah, sejak memasuki alam universiti beliau mempunyai rakan-rakan yang sedia membantu jika dia memerlukan bantuan.

"Saya terharu kerana memiliki seorang kawan karib sekelas, Lailatul Taufiqiah yang selalu mengambil berat tentang keadaan saya," katanya.

Ibunya, Azizah Abdul Aziz berkata beliau tidak

memanjakan Nurul dan melayan seperti anak-anaknya yang lain supaya Nurul pandai berdikari.

"Saya terpaksa menggunakan alat sokongan kaki untuk berjalan dari Kolej Muhamad Rashid ke Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Alat tersebut perlu ditukar setiap tahun supaya seiring dengan tumbesaran kaki walaupun menelan belanja hampir RM 800 setiap kali penukaran," katanya.

Beliau mengingatkan kepada orang yang senasib dengannya agar gigih mengejar cita-cita dengan mengeneipkan pandangan masyarakat terhadap keupayaan mereka.

Nurul berkata Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM tidak memandang ringan terhadap kesukaran yang dialaminya untuk menghadiri kuliah, malahan menyediakan perkhidmatan van untuk menghantar beliau ke kelas.

Kematian 2 Ibumbapa dan 3 Adik Jadi Kekuatan



Faezah Noor berkongsi kejayaan bersama adik-adiknya yang terselamat daripada tragedi kebakaran.

SERDANG, 11 Ogos - Peristiwa menyayat hati dua tahun lalu apabila kedua-dua orang tua dan tiga adik-beradik yang lain terkorban dalam satu kebakaran telah menjadi kekuatan buat graduan Bacelor Sastera Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Faezah Noor Kasmuri, 22 dari Batu Pahat.

Sungguhpun pada awalnya patah semangat, Faezah berjaya kuatkan tekad untuk meneruskan pengajiannya hingga selesai

sekali sekaligus berjaya mengunggam segulung ijazah.

Katanya, peristiwa tragis tersebut berlaku ketika dia dalam semester ketiga pengajian namun itu tidak mematahkan semangatnya apatah lagi dia sebagai anak sulung perlu menjadi contoh kepada adik-adiknya, Salahuddin, Juliana dan Nur Farhana.

"Saya perlu teruskan pengajian demi tiga adik lain yang terselamat dalam kejadian

itu dan kejayaan ini seharusnya menjadi pemangkin kepada kami untuk membina kehidupan yang lebih berjaya," katanya yang menetap bersama nenek setelah kejadian tersebut.

Faezah turut menyatakan harapannya agar dapat mencari pekerjaan untuk menampung keperluan diri dan adik-adiknya kerana tidak mahu membebankan neneknya yang selama ini banyak berkorban demi mereka adik-beradik.



Hazwan Faisal
Pemberita Pelatih



K. Koshelaiyani
Pemberita Pelatih



Nur Alifah Ahmad Tajuddin
Pemberita Pelatih

Razlan Azam Sertai Skuad Kebangsaan



Razlan Azam ceria berkongsi kejayaannya bersama keluarganya.

SERDANG, 11 Ogos - "Saya akan terus berusaha untuk menempatkan diri dalam skuad hoki kebangsaan," kata Razlan Mohamed Radzi, penerima Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pemain pertahanan berusia 28 tahun itu pernah mewakili UPM pada Asean University Games di mana UPM muncul sebagai johan baru-baru ini.

Terbaru, anak kelahiran Ipoh ini telah mewakili Perak di kejohanan hoki Piala Tun Abdul Razak, 13 Ogos ini

dan mempunyai lebih banyak masa untuk terlibat lebih serius dengan sukan hoki kerana telah menamatkan pengajian di UPM.

"Semasa belajar, saya sangat sibuk dengan kuliah dan pada masa yang sama, saya turut menjalani latihan hoki seawal jam 7 pagi

hingga 7 malam.

"Sebab itulah, saya perlu bijak membahagikan masa kerana tidak mahu kehilangan kedua-dua perkara penting dalam hidup saya, iaitu sukan dan pelajaran," kata Razlan kepada Tribun Putra selepas Majlis Konvokesyen UPM ke-33 di sini.

Pemain Takraw Negara Terima Ijazah

SERDANG, 10 Ogos - Atlet sukan takraw negara Mohd Azlan Abdul Mubin, 26 membuktikan bahawa seseorang atlet mampu mengimbangi sukan dan pendidikan pada masa yang sama apabila beliau dianugerahkan Ijazah Program Bachelour Pendidikan (Pendidikan Jasmani) pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-33.

Azlan yang berpegang pada prinsip pendidikan harus didahulukan sebelum sukan untuk jaminan masa depan bermain di posisi "killer" dan pernah meraih 2 pingat perak dalam Sukan Asia 2006 di Doha, Qatar.

Beliau terpaksa menangguhkan pelajarannya selama dua semester kerana mewakili negara dalam beberapa kejohanan sukan.

Namun begitu, Azlan telah mengalami kecederaan pada tulang rawan beliau sewaktu berlatih dan sedang menjalani rawatan pemulihan sehingga kini.

Beliau masih menunggu keputusan ujian doktor yang balak menentukan



Azlan Mubin bersama ibu dan isterinya (kanan).

nasibnya sama ada mampu terus beraksi atau terpaksa menggantung kasut lebih awal.

Beliau ingin memulakan kerjaya beliau sebagai seorang guru dan pada waktu yang sama ingin

menyambung pengajian dalam bidang sains sukan.

Rancangan masa depan beliau adalah untuk menjadi jurulatih sukan sepak takraw dan membina kerjaya dalam bidang pendidikan jasmani.

Katanya para atlet tidak harus meminggirkan pelajaran kerana mengejar karier sebagai atlet sukan kerana bukan semua sukan di Malaysia mampu berpendapatan lumayan.

Tiada Istilah Putus Asa Buat Anak Yatim Piatu

SERDANG, 9 Ogos - Pemergian kedua-dua orang tua ke rahmatullah beberapa tahun lalu bukanlah titik akhir bagi Nik Mohd. Saiful Wan Mohd. Saiful, 22 untuk mencapai kejayaan.

"Semasa kehilangan emak, saya pernah rasa putus asa tapi bila fikirkan adik-adik saya kembali bersemangat untuk meneruskan pengajian demi masa depan keluarga," katanya.

Beliau yang berasal dari Tumpat, Kelantan menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-33 turut ditemani kakak dan dua lagi adiknya bagi meraikan kejayaan bersama.

Saiful yang merupakan anak lelaki sulung menyatakan impiannya untuk membela nasib keluarga selepas menamatkan pengajian.

"Saya berharap dengan kejayaan ini akan membakar semangat adik-adik yang lain untuk mengikut jejak langkah saya," katanya.



Nik Mohd Saiful, 22.

Saiful bergantung sepenuhnya pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPN) dan pencen PERKESO arwah ayahnya sebanyak RM 600 sebulan bagi menampung 4 adiknya yang masih bersekolah.

Walaupun nilai wang RM600 itu kecil untuk menampung hidup kami lima beradik tetapi sumbangannya amat besar kerana dengan wang itu, kakak dapat menyambung pengajian di Universiti Perguruan Sultan Idris, dan adik-adik dapat bersekolah," katanya.

Mon Bakal Aktif Semula



Mon Redee bersama ibu bapanya.

SERDANG, 9 Ogos - Bekas pemanah negara, Mon Redee Sut Txi yang menerima ijazah dalam Bachelour Sains Pembangunan Manusia dari Fakulti Ekologi Manusia pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33 ini bakal menyertai kembali sukan memanah yang telah ditinggalkannya sejak tahun 2007 lagi.

Mon berkata beliau tidak pernah bersara tetapi

hanya berehat sementara menunggu kecederaan di bahunya sembuh.

Sebagai persediaan pertama untuk mewakili negara tidak lama lagi anak kelahiran Pengkalan Hulu, Perak ini telah menyertai kejohanan memanah terbuka UPM April lalu dan muncul sebagai johan.

Mon Redee merupakan pemanah Malaysia tunggal

ke Sukan Olimpik Athens, Greece pada tahun 2008 dan berjaya mendapat tempat ke-32 daripada 64 peserta yang bertanding.

Mon kini bekerja di Universiti Teknologi Mara sebagai Pegawai Pengurusan dan Kejurulatihan dan berhasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang Sains Sukan.

Mohd Ramdan Mohd Shafian
Pemberita PelatihNur Diyana Kamaruzaman
Pemberita PelatihNor Azidah Sabirin
Pembantu Berita

Halizam Terima Hadiah Berganda

SERDANG, 8 Ogos - Noorhalizam Mohamed Noor, 24, graduan Bachelo Sains Pertanian menerima anugerah berganda, dua Hadiah Peringkat Universiti, iaitu Pingat Emas Canselor dan Pingat Emas Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Rashdan Baba pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-33 tahun ini.

Noorhalizam yang kini bertugas sebagai Ahli Biak Baka di Felcra Plantations Sdn. Bhd berkata kejayaannya tidak datang bergolek sebaliknya bersandarkan tiga prinsip yang ditanam dalam dirinya.

"Pertama ialah pengurusan masa yang berkualiti, kedua pengurusan kewangan peribadi secara bijak dan ketiga jalinan hubungan interpersonal yang baik.

"Ketiga-tiga prinsip ini menjadikan diri saya kuat dan bersungguh-sungguh

untuk meneruskan pengajian dalam bidang Sains Pertanian kerana ketiga-tiganya merupakan prinsip asas yang akan melancarkan proses pengajian saya sepanjang di UPM," katanya selepas sesi pertama majlis konvokesyen.

Pemilihan bidang Sains Pertanian dibuat olehnya atas kesedaran ingin meningkatkan sosio-ekonomi kawasan luar bandar melalui sumbangan dalam teknologi pertanian.

"Saya tertarik dengan Rancangan Malaysia Ke-9 yang menekankan aspek pertanian dalam konteks yang lebih luas.

"Daerah kelahiran saya di Mardi Kluang, Johor, sebuah kawasan luar bandar turut mendorong saya memilih bidang ini untuk meningkatkan sosio-ekonomi di kawasan luar bandar setaraf dengan sosio-ekonomi di



Noorhalizam menunjukkan anugerah pingat emas yang diperolehi kepada keluarganya.

kawasan bandar," katanya yang menyifatkan bidang pertanian sebagai cabang perniagaan lumayan.

Beliau yang memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan 3.89 turut menambah sektor pertanian sepatutnya sudah memasuki revolusi baru dengan aplikasi teknologi dalam

mempertingkatkan lagi produktiviti dan hasil pertanian.

Bapa Noorhalizam, Mohamed Noor Masri berkata kejayaan anaknya membuktikan usaha dan pengorbanan Noorhalizam selama ini sangat berbaloi dan bermakna.

"Sebagai ibu bapa, kami sentiasa mendoakan

yang terbaik buatnya dan sentiasa memberi semangat agar dia kekal cemerlang dalam pelajaran dan kehidupannya," katanya yang hadir bersama ahli keluarga yang memakai pakaian sedondon hijau sebagai tanda sokongan kepada bidang pertanian yang diceburi Noorhalizam.

Kakak dan Adik Dapat Ijazah Serentak



Pasangan adik-beradik bergambar bersama keluarga mereka selepas terima ijazah serentak

SERDANG, 8 Ogos - Satu pasangan adik-beradik yang berasal dari Bukit Kuin, Kuantan menerima ijazah serentak pada majlis konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-33 yang berlangsung baru-baru ini.

Sebagai anak sulung, Mazidah Mamat yang menerima ijazah doktor falsafah dalam jurusan kimia bahan menjadi contoh kepada adiknya, Mohd Noor Fazi Mamat, penerima ijazah Bachelo Kejuruteraan Mekanikal.

"Saya sepatutnya bergraduat pada tahun lepas bersama-sama suami saya tetapi kerana terdapat sedikit masalah, saya tidak sangka akan bergraduat dengan adik saya

pula," katanya yang juga merupakan seorang pensyarah di Universiti Malaysia Terengganu.

Adik-beradik itu yang merupakan anak kepada seorang pemandu bas ekspres merasakan kesusahan yang dihadapi ibu bapa perlu dibayar dengan kejayaan mereka mendapatkan segulung ijazah.

Mazidah Mamat berkongsi kepayangan yang beliau alami semasa tempoh belajar di UPM, beliau pernah berputus asa untuk menyambung pelajaran kerana tidak mampu membayar yuran pengajian dan terpaksa bekerja mengumpul wang untuk mendapatkan ijazah doktor falsafah.

Penerima Anugerah Pelajaran DiRaja Kongsi Rahsia

SERDANG, 8 Ogos - Kejayaan Yussyafiqah Yunus, 22 menerima Anugerah Pelajaran DiRaja (Kategori Bumiputera) pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-33 baru-baru ini kerana mengamalkan kaedah belajar secara sistematik yang memerlukan penumpuan semasa waktu kuliah dan tidur yang cukup.

"Saya amat mementingkan perasaan pensyarah semasa proses pembelajaran di dalam kelas. Saya tidak akan menyinggung perasaan pensyarah dan tidak

mengutuk pensyarah walaupun tidak menyukai cara mereka mengajar kerana ilmu tidak berkat," katanya yang menyimpan cita-cita untuk menjadi pensyarah.

Beliau yang berasal dari Kampung Labuhan Dagang, Banting, Selangor akan meneruskan pengajian ke peringkat doktor falsafah dalam bidang Pengajian Pengguna.

Walaupun bapanya pernah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya (JKR) dan ibu seorang surirumah tangga, beliau ingin membuktikan anak kepada ibu bapa



Ahli keluarga Yussyafiqah melihat pingat dan sijil anugerah yang diterimanya.

yang tidak berpelajaran akademik malah ke Australia menyuntik tinggi boleh mengecapi kejayaan abangnya keazamannya untuk kecemerlangan dalam melanjutkan pelajaran berjaya.

Usia 66 Bukan Penghalang

SERDANG, 11 Ogos - Faktor usia tidak menghalang pesara guru berusia 66 tahun membuktikan usia seperti ini mampu untuk mengenggang segulung ijazah.

Gurcharan yang menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua), berkata sesiapa boleh berjaya jika berusaha gigih.

"Saya boleh berbangga dengan pencapaian saya ini kerana pada usia yang lanjut, saya berjaya mendapatkan anugerah dekan sebanyak lima kali, iaitu pada semester ketiga, kelima, keenam, ketujuh dan kelapan," katanya



Gurcharan bersama keluarganya selepas majlis konvokesyen.

yang turut ditemani ahli keluarganya pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33 tersebut.

Dia menyifatkan

pengorbanannya menjaga ibu bapa dan menanggung perbelanjaan pengajian adiknya di luar negara sebagai sesuatu yang

sangat berbaloi. Dia, terpaksa memendam impian mengenggang ijazah kerana menjaga ibu bapa selain menanggung

perbelanjaan pengajian adiknya di luar negara.

"Pengorbanan saya tidak sia-sia sebaliknya saya dapat meneruskan impian saya dan kejayaan ini sangat setimpal.

"Selain itu, saya yang berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan terpaksa keluar rumah seawal jam 6 pagi untuk menghadiri kelas dan mulanya, saya mengalami sedikit masalah untuk memahami sesuatu subjek tetapi dengan bantuan rakan, ia dapat diatasi," katanya yang mengikuti program pengajian jarak jauh, Pusat Pendidikan Luar, UPM.

Beliau turut melahirkan hasrat untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana.

Kembar Seiras Terima Ijazah Kelas Pertama



Tan Geok Fong dan Tan Geok Sien, (kanan).

SERDANG, 9 Ogos - Pasangan kembar seiras, Tan Geok Fong dan Tan Geok Sien, 22, menerima ijazah Kepujian Kelas Pertama dengan masing-masing mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif 3.81 dan 3.76 pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-33.

Kedua-duanya

yang berasal dari Sibu, Sarawak merupakan pelajar Bachelo Sains Perhutanan di Fakulti Perhutanan sering melakukan aktiviti bersama-sama malahan kedua-duanya meminati sukan badminton.

Walaupun sukar membezakan kedua-duanya kerana wajah seiras dan nada pertuturan yang

sama, mereka selesai dengan keserasian yang dimiliki termasuk membuat keputusan bersama untuk belajar di UPM dalam bidang yang sama.

"Kami ingin menjadi guru bahasa Melayu selepas tamat pengajian kerana terdorong oleh karier dua orang kakak yang bertugas sebagai guru," kata Fong.



Ahmad Fua'ad Alwi
Ketua Jurugambar



Marina Ismail
Jurugambar



Noor Azreen Awang
Jurugambar



Sabri Omar
Jurugambar Undangan

Belajar di IPTS Mesti Kuat Semangat

SERDANG, 12 Ogos - Walaupun tidak terpilih melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Nurul Saidah Ibrahim, 25 menyifatkan suasana pembelajaran di IPTA dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah berbeza kerana semangat perlu kuat untuk belajar di IPTS.

Beliau berkata perbezaan tersebut ialah terdapat kekurangan sumber bacaan di IPTS sehinggakan beliau terpaksa mencari rujukan di perpustakaan IPTA lain.

Penerima anugerah graduan cemerlang peringkat bachelour dalam bidang Pentadbiran Perniagaan itu merupakan graduan Kolej Teknologi Bistari, Setiu, Terengganu yang bergraduasi pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM)-IPTS baru-baru ini.



Nurul Saidah bersama kedua-dua ibu bapanya.

Beliau merancang akan meneruskan pengajian Sarjana di UPM dalam bidang Pentadbiran Perniagaan kerana ingin membuka perniagaan

sendiri pada satu hari nanti. "Saya tidak suka ponteng kelas dan mengamalkan cara belajar yang konsisten seperti rajin membuat latihan,

mengamalkan solat hajat dan bijak mengurus masa untuk cemerlang," kata beliau ketika berkongsi resipi kejayaan beliau.

Hadiri Konvo Walau 'Overdue' 6 Hari



Norazlina Mamat bersama suaminya selepas majlis konvokesyen.

SERDANG, 8 Ogos - Norazlina Mamat, 26 sanggup menggagahkan dirinya ke Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-33 walaupun kandungannya sudah melebihi 6 hari dari tempoh bersalin.

Beliau yang menetap

di Taman Melawati, Kuala Lumpur ditemani suaminya, Fikrul Hadi, 27 berkata bahawa dia telah menyediakan segala kelengkapan bersalin di dalam kereta seandainya kejadian yang tidak diingini berlaku terhadap isterinya.

Menyentuh perancangan masa depannya, anak kelahiran Terengganu ini berkata dia mungkin akan menyambung pengajiannya di peringkat Sarjana dalam bidang Pengurusan Pentadbiran di Pusat Pendidikan Luar, UPM.

Pasangan Iran dan Sudan Bangga Jadi Graduan UPM



Pasangan suami isteri dari Iran dan Sudan bertukar-tukar cerita kejayaan.

SERDANG, 11 Ogos - Pasangan suami isteri, iaitu Omid, 32 dan Fatemeh, 28 dari Iran serta Khalid Eltir, 37 dan Amani Abdulaal, 28 dari Sudan berbangga menjadi graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) selepas lebih 2 tahun menuntut di sini.

"Saya dan suami memilih Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana dalam bidang Kejuruteraan Industri kerana penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam kuliah dan kebanyakan rakyat Malaysia adalah muslim seperti kami,

jadi tidak susah untuk mendapatkan makanan yang halal," kata Fatemeh yang bercadang untuk memilih UPM sekali lagi bagi melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah nanti.

Omid yang berkhidmat di Iran Aerospace Organisation yakin kemampuan UPM menjadi sebuah institusi pendidikan bertaraf dunia.

Bagi Khalid dan Amani, walaupun mereka tidak dapat menyesuaikan diri tinggal di Malaysia pada mulanya kerana rindu kampung halaman tetapi kini mereka seolah-olah jatuh



Sarifman Idris, 30 dan Norfadhillah Zalina Mat Zaidi, 31 pasangan suami isteri yang menerima ijazah Bachelor Sains dengan Pendidikan.

cinta dengan keunikan Malaysia. Khalid adalah graduan doktor falsafah dalam kejuruteraan telekomunikasi manakala Amani pula

graduan ijazah sarjana dalam kejuruteraan sistem maklumat geografi (GIS) di fakulti kerajaan. "Kami berasa berat hati untuk tinggalkan

Malaysia kerana sepanjang 5 tahun ini, kami seronok tinggal di sini," kata Khalid yang juga seorang pensyarah di Universiti Gezira Sudan.

Kematian Suami Dorong Ibu Tunggal Sambung Pengajian



Rose Poyang Jok menunjukkan ijazahnya kepada kedua-dua ibu bapa dan anaknya.

SERDANG, 10 Ogos - Kemalangan yang meragut nyawa suami 5 tahun dahulu telah mengubah lanskap hidup Rose Poyang Jok, 34 dan anak tunggalnya, Rachele Rafaella, 6.

Kejadian pahit itu telah mencetuskan semangatnya untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi untuk meneruskan hasrat arwah suaminya yang mahukan Rose untuk sambung belajar.

Rose tidak mudah putus asa apabila percubaan kali

kedua memasuki universiti membuahkan hasil apabila berjaya memasuki UPM dalam program Bachelour Pendidikan (Pendidikan Jasmani) untuk mengikuti jejak arwah suaminya, seorang guru Pendidikan Jasmani.

Rose menyifatkan sebagai ibu tunggal, banyak cabaran terpaksa ditempuh tetapi muji keluarganya banyak memberi sokongan moral.

"Pengorbanan besar yang saya lakukan

sepanjang pengajian 4 tahun di sini ialah terpaksa meninggalkan anak kesayangan di bawah jagaan ibu bapa di Miri, Sarawak.

"Sepanjang pengajian saya banyak melakukan kerja sambilan seperti menjadi jurulatih renang dan bekerja di restoran makanan segera untuk menampung perbelanjaan di kampus di samping bergantung sepenuhnya kepada pinjaman PTPTN," katanya.

Hari Alumni Lestari Hubungan Alumni-UPM

Oleh Khairil Sarip

SERDANG - Pusat Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Hari Alumni UPM di Dewan Bankuet UPM untuk memperingati penubuhan UPM yang bermula dengan Sekolah Pertanian pada tahun 1931.

Pengarah Pusat Alumni UPM, Prof. Madya Dr. Rohani Ibrahim berkata seramai 800 alumni telah hadir bagi menunjukkan komitmen untuk melestarikan hubungan baik dengan UPM.

Beliau berkata Hari Alumni UPM telah dirasmikan oleh Pro Canselor UPM, Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin dan pada hari yang sama juga telah diadakan forum 'Serdang Heritage: Meniti Pembangunan UPM'.

Ahli panel forum terlibat ialah Penasihat Trade Wings Plantation Berhad (Alumni kelas 1955), Dato' Dr. Mohd

Noor Ismail; Presiden Persatuan Alumni UPM (Alumni kelas 1976), Anas Ahmad Nasarudin dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UPM sesi 2008/2009, Mohd Syamsul Salleh.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata sambutan pada tarikh 21 Mei tersebut merupakan tarikh penubuhan universiti dengan bermulanya Sekolah Pertanian 1931 kemudiannya diisytiharkan menjadi Kolej Pertanian Malaya 1947, Universiti Pertanian Malaysia 1971 dan Universiti Putra Malaysia 1997 yang kini genap 78 tahun penubuhannya.

"Alumni UPM merupakan aset penting yang menyumbang kepada kecemerlangan UPM dan berupaya membantu universiti untuk melonjak



Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin (kanan) melihat Buku Program Sambutan Hari Alumni UPM bersempena ulangtahun universiti kali ke 78 bersama-sama alumni yang lain.

ke tahap yang lebih membanggakan," katanya pada Sambutan Hari Alumni UPM di sini hari ini.

Katanya UPM telah mengemas kini lebih 60,000 data daripada keseluruhan alumni yang melebihi 130,000

orang supaya boleh menjalankan aktiviti melibatkan alumni dan mengukuhkan hubungan UPM dengan alumni.

Datuk Dr. Nik Mustapha berkata UPM dicabar untuk terus kekal melahirkan alumni yang serba boleh, mempunyai

komitmen dan berdaya saing dalam semua aspek bagi mengekalkan kegemilangan UPM sekaligus membangkitkan semangat dan tradisi alumni iaitu Tradisi Menyumbang Budaya Iktan.

Pelajar Terima Pingat Emas IEM

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz

PETALING JAYA - Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Ling Hwei Lin dipilih sebagai penerima Pingat Emas Institut Jurutera Malaysia (IEM) baru-baru ini.

Ling Hwei Lin, pelajar tahun akhir Bachelour Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan UPM tersebut menerima anugerah berupa pingat emas pada Majlis Makan Malam Tahunan IEM ke-50 di One World Hotel di sini.

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof. Madya Dr. Luqman Chuah Abdullah berkata anugerah tersebut diberikan kepada pelajar tahun akhir fakulti kejuruteraan di seluruh negara yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum.

"Pelajar terbaik setiap jabatan di fakulti kejuruteraan dipilih mengikut Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) terbaik dan aktiviti kokurikulum masing-masing.

"Pelajar tersebut ditemuduga oleh dekan dan timbalan dekan akademik fakulti masing-masing sebelum profil biodata mereka dihantar ke IEM untuk dinilai," katanya ketika ditemui.

Sementara itu Ling Hwei Lin berkata beliau merancang untuk bekerja selepas tamat pengajian bagi menimba pengalaman sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang sarjana," katanya yang memperolehi PNGK 3.93.

Jurnal beliau bertajuk 'Effect of Temperatures on Rheological Behaviour of Dragon Fruit (Hylocereus sp.) Juice' merupakan antara sepuluh jurnal utama yang kerap dimuat turun di International Food of Engineering selain mewakili negara ke International Petroleum Technology Conference 2008.

Beliau juga merupakan penerima biasiswa Hong Kong Climate Change Condition (HKCCC) dan pernah menyertai Asian Youth Climate Summit 2008 di Hong Kong Universiti.

UPM Naib Juara EIMA Race

Oleh Fakulti Kejuruteraan

PASIR SALAK - Pasukan UPM terdiri daripada staf dan pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan munculkan Naib Juara UTM-Educational Innovation of Motorsport & Automotive Race '09 (EIMA RACE '09) di sini baru-baru ini.

Pertandingan yang berlangsung di Litar Dato' Sagor itu bertemakan Innovation menyaksikan UPM membawa pulang hadiah bernilai RM2 ribu melalui ciptaan kenderaan bernama Xeron yang menggunakan enjin 130cc.

Pasukan UPM terdiri daripada 6 pensyarah, 5 staf teknikal dan 22 pelajar telah mencipta kenderaan yang bernilai RM20,000 sejak 6 minggu lalu di Makmal Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan.

Ketua Pasukan, Dr Mohd Khairul Anuar Mohd Ariffin dari Jabatan



Pelajar tahun 3 Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan, UPM, Azlan Hapim memandu kereta XERON.

Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan berkata kemenangan itu tidak bergantung kepada keputusan perlumbaan tetapi menilai persembahan,

rekabentuk, ujian brek dan faktor keselamatan sesebuah kenderaan.

"Ketelitian dan perincian menghasilkan penentu ukuran yang tepat membantu menjana kemenangan ini.

Mereka telah membuat penambahbaikan konsep daripada model ciptaan pelajar yang pernah menyertai pertandingan sama sebelumnya," katanya.

Sebanyak 12 pasukan

dari IPTA, IPTS, Politeknik, IKM dan institusi penyelidikan dari seluruh negara telah menyertai pertandingan yang diadili oleh wakil dari syarikat Modenas, Sirim dan Yamaha.

Pelajar Menang Dua Emas Makanan Halal

Oleh Khairil Sarip

KUALA LUMPUR - Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membolot dua pingat emas pada pertandingan 'Apprentice Chefs' sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2009 di MATRADE Exhibition & Convention Centre (MECC) baru-baru ini.

Ketua Jabatan

Pengurusan dan Khidmat Makanan, Fakulti Teknologi Makanan (FSTM), UPM, Prof. Madya Dr. Sharifah Kharidah Syed Muhamad berkata 18 pelajar tahun akhir FSTM memenangi dua pingat emas, dua pingat perak dan empat pingat gangsa melalui sembilan kategori.

"Pingat emas dimenangi melalui kategori 'Western Hot Cooking-Meat/Poultry/Game Dishes' dan 'Patisserie-Plate Western Dessert' sementara pingat perak dimenangi melalui kategori 'Asian Hot Cooking-Fish and Seafood Dishes' dan 'Patisserie-Dress The

Cake'," katanya merujuk kepada penyertaan sulung pelajar UPM.

Beliau berkata pingat gangsa pula dimenangi melalui kategori 'Western Hot Cooking-Fish and Seafood Dishes', 'Asian Hot Cooking-Fish and Seafood Dishes', 'Asian Hot Cooking-Meat/Poultry/Game

Dishes' dan 'Patisserie-Contemporary Asian Desserts'.

Sebanyak 11 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menyertai pertandingan seni masakan yang dianjurkan oleh Indah Profiles Sdn. Bhd dan Kolej Damansara Utama (KDU) dengan tema 'The World's Halal Kitchen'.

Izwan, Norhamima Pegawai Kadet Terbaik Palapes

Oleh Mohd Ramdan Mohd Shafian



Izwan dan Norhamima dianugerah Pegawai Kadet Terbaik Palapes

SEPANG - Pelajar Bachelour Sains Pertanian, Mohd Izwan Awang dianugerah Leftenan Muda Keseluruhan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Majlis Santapan Malam Rejimental di Hotel Pan Pacific di sini.

"Latihan yang diberikan bukannya teori berteraskan teori sebaliknya latihan praktikal dalam beberapa modul," katanya yang menyifatkan faktor utama beliau mengikuti latihan PALAPES selama tiga tahun ialah bagi memantapkan modal insan.

Sementara itu, pelajar Bachelour Sains Perhutanan, Leftenan

Muda Norhamima Hashim pula diiktiraf sebagai Pegawai Kadet Terbaik PALAPES UPM (Laut).

"Saya berjaya membuktikan wanita juga mampu menjadi pelatih terbaik setanding lelaki", katanya yang pernah mendapat Anugerah Naib Canselor 2009 dan Anugerah Akademik Pengetua dari tahun 2006 hingga 2009.

Pro-Canselor UPM Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin menyampaikan hadiah berbentuk plak dan sijil penghargaan kepada Kadet Terbaik Keseluruhan PALAPES Darat dan Laut dalam majlis yang turut dihadiri oleh Pro Canselor UPM Tan Sri Rozali Ismail dan

Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Syed Jalaluddin Syed Salim.

Majlis tersebut telah merayakan semua Pegawai Muda yang telah berjaya menjalani latihan ketenteraan selama tiga tahun di PALAPES serta melancarkan Majalah Gempur Edisi ke-17 sesi 2008/2009 dan laman web PALAPES.

Majlis Santapan Malam Rejimental merupakan majlis tahunan bagi PALAPES sempena Pentauliahan DiRaja Pegawai Kadet Palapes UPM Ambilan Ke-28 (Darat) dan Ambilan Ketiga (Laut) yang diadakan pada 20 Jun 2009 di Universiti Teknologi Malaysia.

Anjung Puisi

MENCARI INDAH

Dalam kabusmu aku berjalan
Aku mencari susur haluan
Tunjukkan aku manakah laluan
Apakah sedang aku ke selatan.

Langkahku ini berpaling keliru
Menanti pasti darinya waktu
Turunlah angin dingin menderu
Damaikan aku di hujungnya ragu.

Siapa akan bisikkan padaku
Di sini bukanlah penentu
Akan sebuah pencarian itu
Tenanglah akhirnya malamku.

Dalam hujanmu tunduk berserah
Di dalam cermin merenung wajah
Rambut kusutku kusentuh basah
Hidup ini sesungguhnya indah.

Lim Swee Tin

Sanggar Bahasa dan Komunikasi
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
UPM.

Serambi Cerikas

Rama-rama
di Telapak Tangan

APA yang kadang-kadang orang katakan sama sekali tidak penting. Dia masih melukis pada hujung minggu. Sesekali ada kenalan memenuhinya di sebuah anak sungai yang jauh, bergurau dengan anak-anak ikan di air yang jernih. Ada wartawan melihat kelibatnya di kaki sebuah gunung, entah kenapa dia di situ.

Dia, seperti katanya, sama sahaja dengan orang-orang lain. Bangun pagi dan menyedari bahawa dia masih bernafas, syukur alhamdulillah. Seselesai membersihkan diri, dia bergegas ke makmal. Dia faham jadual kerjanya yang padat.

"Anda penyelidik hebat," sapa seorang pengkagumnya dari Jerman. "Sila duduk." Balasnya.

Dan, pejabatnya yang kemas membuatkan seketika pelawat dari Jepun itu membelek-belek rasa hairannya. "Kita ke makmal saya." Pelawat Jepun itu hanya mengikut. "Ini institusi yang serius. Mereka mahu saya tidak duduk diam. Sentiasa bergerak pantas kerana masih banyak yang ingin kami sumbangkan kepada masyarakat negara ini."

"O," balas sarjana Amerika itu yang ingin sangat tahu penyelidikannya yang terbaru. "Ini untuk dunia juga, sebab kami juga dunia."

Sarjana Amerika, wanita berambut blonde itu mengukir senyuman. "Penemuan tuan dalam bidang kanser ini membawa makna baru kepada dunia, sebetulnya. Tuan menakutkan."

Tokoh jurnalis terkenal Perancis itu merakamkan pandangannya: Telah tiba masanya, kita bertekun untuk kemakmuran, tanpa batasnya. Untuk dunia sekali gus. Untuk umat manusia!

Kemas. Lengkap.

"Tuan saintis muda yang hebat." Ucapan berserta genggam tangan yang erat dari wakil Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) itu menggetarkan azam dan iltizamnya.

Suatu malam, seorang sahabat lamanya terserempak dia dalam sebuah kereta api malam, apabila disapa dia bahkan bertanya, "Kita ni sedang menuju ke mana?" Ada waktu-waktunya dia manusia biasa. "Kita belum robot", dia berjenaka.

Di Menam Chaophraya suatu senja dia asyik menatap senja yang sejuk. Sungai Chaophraya memang tatkala itu pasti akan mempesonakan sesiapa sahaja. Di dada akhbar seusai sarapan di Shangrila Bangkok, The Nation melaporkan tentang H1N1 yang menggerunkan. Ketika-ketika seperti ini, detik hatinya, kudrat saintis dituntut. Dia diam-diam terpukau betapa secalit usahanya membungakan harapan untuk umat manusia.

"Robot hanya menerima arahan." Balas sahabat lama ketika deruan enjin kereta api ke Utara membelah malam. "Kita memaknakan arahan." Dia menyambutnya.

"Inilah yang indahnyanya kehidupan."

Esoknya, dia sudah pun di Vientiane, di sebuah tugu peringatan perang. Di sebuah taman, seekor rama-rama hinggap di telapak tangannya.

persis

sayap rama-rama

dibuai angin

kehidupan ini

siapakah memberi makna

memberi ertinya

di kanvas sukma kita

Itu bait-bait puisi diungkap seorang penyair Cina yang masih bergayut di ingatannya. Hidup ini benarlah, kata seorang ustaz dalam satu majlis tazkirah, untuk kita makmurkan. Terasa ada usapan dingin seperti cebisan angin menyerap di kalbunya. Dia meraba saku, alunan santun isyarat pesanan ringkas beralun:

PEMERINTAH MINTA TUAN MENGETUAI SATU LAGI PENYELIDIKAN BESAR. AMAT PENTING.

JUMPA ESOK.

Dia tersenyum. Rama-rama dibiarkannya terbang, sekilas dia melihat cebisan cahaya terang membias di kepaknya.

Esoknya, antara padang yang beralun menghijau dia membelokkan keretanya ke Lebuah Siliikon.



Foto | Mohd Izrul Abdu Jabbar

Antara persembahan mantap yang dilakokan pelajar-pelajar FBMK dan FPP, UPM.

Pelajar Dua Fakulti Pentas Tun Kudu

Oleh Khairil Sarip

SERDANG - Pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) dan Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) bergabung mementaskan teater rakyat berjudul 'Tun Kudu' sempena Malam Tradisi Sastera Rakyat ke-24 di Dewan Banquet UPM baru-baru ini.

Program tahunan itu dianjurkan oleh pelajar tahun dua Bachelour Sastera (Kesusasteraan Melayu), dan pelajar tahun tiga Bachelour Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama), di bawah kursus Kesusasteraan Rakyat Melayu.

Pengarah program tersebut, Nor Muhamad Mat Zain berkata pementasan teater tersebut memberi peluang kepada pelajar

mempelajari dan menghayati sastera rakyat Melayu sebagai salah satu bentuk seni budaya Malaysia.

"Melalui kursus ini kami dapat mempelajari seni pementasan supaya menjadi aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan," katanya.

Teater tersebut mengisahkan Tun Kudu, anak kepada Bendahara Seri Wak Raja, Bendahara Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Muhamad Syah.

Persengketaan antara Tun Perak dan Bendahara Seri Nara Diraja Tun Ali menyebabkan Sultan Melaka meminta Tun Ali melepaskan jawatan dengan mengenakan syarat supaya Permaisuri Melaka, Tun Kudu diserahkan kepadanya.

Kolej 17 Juara Malam Tunas Budaya

Oleh Ili Syazwani Zahimi

SERDANG, 12 Julai - Kumpulan Arustika Putrasakti dari Kolej 17 muncul Juara Keseluruhan pada Malam Tunas Budaya (MTB) yang berlangsung di Dewan Besar Pusat Kebudayaan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kemenangan Kolej 17 kerana menampilkan kombinasi persembahan nyanyian yang mantap serta susunan muzik dan gerak tari yang bertemaga.

Malam yang bertemakan konsep '1 Malaysia' itu juga menyaksikan Kolej 17 berjaya menggondol anugerah lain seperti Video Klip Terbaik, Kumpulan Tarian Terbaik, Pengarah Terbaik, dan Anugerah Kreativiti Terbaik.

MTB dianjurkan oleh Unit Seni Budaya dan Kreatif, Bahagian Hal Ehwal Pelajar sebagai acara kemuncak Minggu Perkasa Putra tahun ini.

Setiap dua kolej daripada 17 buah kolej kediaman yang bertanding bergabung membentuk satu kumpulan.

MTB menekankan semangat perpaduan yang tinggi antara pelajar bersesuaian dengan konsep 1 Malaysia kerana setiap persembahan harus menampilkan elemen perpaduan dalam bentuk nyanyian, muzik dan tarian.

Sebanyak 15 anugerah telah dipertandingkan pada MTB tahun ini dan telah diadili oleh pelakon Fizz Fairus, pembaca berita TV3 Meor Abdul Malek Raiyan, Pengacara Rancangan 999 Teh Syuhada Mat Sharif, wartawan Utusan Malaysia Metra Shahril Mohamed dan Pengacara Malaysia Hari Ini, Ahmad Fetri Yahya selaku ketua juri.

MTB turut mempertandingkan Anugerah Penulisan Puisi Terbaik yang dimenangi oleh Siti Ramizah Khairulnisa dari Kolej 12 dengan tajuk puisi '1 Malaysia'.



Persembahan mantap dari Kolej 17 menggabungkan nyanyian, muzik dan tarian yang melibatkan pelajar baharu pelbagai latar bangsa di Malam Kemuncak Minggu Perkasa Putra 2009.

Anugerah disampaikan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Azali bin Mohamed.

Senarai Pemenang Malam Tunas Budaya :

Anugerah Keseluruhan Terbaik - Arustika Putrasakti (K17)

Naib Johan - Perkasa Harmoni (K5 & KTP)

Tempat Ketiga - Sita Walinongsari (K10 & K11)

Anugerah Publisiti Terbaik - Keris Fansuri (K2 & KOSASS)

Anugerah Keceriaan Terbaik - Satu (KPZ & K13)

Anugerah Video Klip Terbaik - Arustika Putrasakti (K17)

Anugerah Kumpulan Tarian Terbaik - Arustika

Putrasakti (K17)

Anugerah Kumpulan Muzik Terbaik - Keris Fansuri (K2 & KOSASS)

Anugerah Vokal Terbaik - Adipati Kencana (K12 & K14)

Anugerah Pengarah Terbaik - Arustika Putrasakti (K17)

Anugerah Teknikal Terbaik - Perkasa Harmoni (K5 & KTP)

Anugerah Kreativiti Terbaik - Arustika Putrasakti (K17)

Anugerah Penulisan Puisi Terbaik

Johan - Siti Ramizah Khairulnisa (K12)

Naib Johan - Kalaivani (K17)

Tempat Ketiga - Farah Farhana (KOSASS)

Foto | Ahmad Fua'ad Alwi



Majlis Konvokesyen ke-33


TAHNIAH

SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-33
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA 8 - 11 OGOS 2009

Pengurniaan Ijazah Kehormat dan Anugerah Profesor Emeritus



PROFESOR EMERITUS
Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bardaie



**IJAZAH KEHORMAT DOKTOR
PEMBANGUNAN PERTANIAN**
*Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi
Mantan Perdana Menteri Malaysia*



PROFESOR EMERITUS
Prof. Dr. Muhamad Awang

Pemenang Hadiah Peringkat Universiti



**Pingat Emas
Canselor**
*Noorhalizam Mohamad Noor
Bacelor Sains Pertanian*



**Anugerah Pelajaran DiRaja
(Kategori Bumiputera)**
*Yussyafiqah Yunus
Bacelor Pengajian Pengguna*



**Anugerah Pelajaran DiRaja
(Kategori Bukan Bumiputera)**
*Lee Pay Chiann
Bacelor Sains Perhutanan*



**Pingat Emas
Alumni**
*Lim Sue Yee
Doktor Perubatan Veterinar*



Pingat Emas Yayasan Pak Rashid
*Shafeeqa Shahrudin
Bacelor Sains Pertanian*



Hadiah Agribio
*Chong Jiu Hui
Bacelor Kejuruteraan
(Proses dan Makanan)*



Hadiah Syed Kechik
*Nur Syuhada Adnan
Doktor Perubatan Veterinar*



**Pingat Emas Profesor Emeritus
Tan Sri Dr. Rashdan Baba**
*Noorhalizam Mohamad Noor
Bacelor Sains Pertanian*

DARIPADA



TUANKU CANSOLOR,
PRO CANSOLOR, AHLI LEMBAGA PENGARAH, NAIB CANSOLOR & WARGA UPM

UPM Kongsi Kepakaran Pertanian Temerloh

Oleh Sharifah Azmawati, Mohd Faisal dan Ili Syazwani

TEMERLOH - Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan 'Hari Terbuka Bersama Pakar Pertanian UPM' di Temerloh, Pahang selama dua hari baru-baru ini.

Program tersebut merupakan aktiviti pembangunan sektor pertanian untuk memantapkan hubungan universiti, agensi dan masyarakat.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Saifuddin Abdullah berkata UPM telah membuat penambahbaikan keupayaan petani dan pengusaha pertanian untuk memastikan sektor pertanian melonjak ke tahap lebih cemerlang.

"Penekanan utama ini ialah untuk membangunkan budaya keusahawanan pada komuniti setempat terutamanya generasi baru.

"Komuniti perlu mempunyai ciri penting seorang usahawan yang berjaya seperti berinisiatif, mencari dan memanfaatkan peluang, ketekunan, bermotivasi dan berdisiplin terhadap kualiti kerja," katanya ketika berucap semasa majlis perasmian program di Dewan Tun Abdul Razak, Temerloh, Pahang.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R.



Foto | Marina Ismail

Klinik pakar UPM yang dikendalikan oleh pakar pertanian UPM bertindak sebagai perunding dan penasihat kepada permasalahan golongan petani, penternak dan usahawan tani.

Abdullah berkata program yang dijalankan di Temerloh itu merupakan siri yang keempat dan pernah diadakan di Batu Pahat, Johor; Pekan, Pahang; dan Jeli di Kelantan.

"Lebih daripada 700 orang peserta yang dijemput khas untuk menyertai dua forum yang diadakan khusus kepada golongan petani iaitu berkaitan Potensi Pembangunan dan Pengkomersialan dalam Sektor Pertanian Terkini dan juga forum kepada pelajar sekolah dan institusi pendidikan menengah di sekitar Temerloh berkaitan Peluang Pengajian dan Kerjaya Lepas UPM.

"Program juga akan

diisi dengan Bengkel Pengembangan dan Demonstrasi berkaitan ternakan, akuakultur dan tanaman serta Bengkel Industri Asas Tani untuk pemrosesan bebola ikan patin dan inovasi pemrosesan jem," katanya.

Pengarah APEEC, Prof. Dr. Azimi Hamzah berkata program dari 18 Julai hingga 19 Julai itu melibatkan interaksi antara 25 pakar pertanian UPM (penyelidik dan pensyarah pertanian) dengan petani, penternak, nelayan dan usahawan tani daerah Temerloh bagi memberi khidmat nasihat dan perundingan untuk menaiktaraf teknologi tanaman, penternakan,

perikanan dan industri asas tani.

"Masyarakat Temerloh yang terlibat dengan pertanian berpeluang mengemukakan masalah pertanian dan pendapat kepada kumpulan pakar pertanian UPM," katanya.

Beliau berkata kerjasama kepakaran ialah ternakan kerbau, lembu, ikan patin, tanaman buah-buahan khususnya nangka madu dan teknologi pemrosesan makanan.

Katanya klinik pakar UPM telah dikendalikan oleh pakar dari Fakulti Pertanian, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Fakulti Kejuruteraan dan Institut Penyelidikan Produk Halal.

UPM Agih Wang Zakat Kepada Pelajar

Oleh Khairil Sarip



Foto | Mohd Izrail Abdul Jabbar

Pelajar baharu OKU UPM, Nurbaitul Izzah Nordin (berkerusi roda) menerima wang bantuan zakat sebanyak RM5,000 daripada Prof. Dr. Azali Mohamed.

SERDANG - Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia telah mengagihkan Geran Bantuan Zakat sebanyak RM51,000 kepada 17 kolej di UPM dalam Majlis Bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) sempena Minggu Suai Kenal Pelajar Baharu) Semester Pertama Sesi 2009/ 2010 baru-baru ini.

Setiap kolej masing-masing menerima sebanyak RM 3,000 daripada agihan wang zakat tersebut untuk digunakan bagi pembangunan program pelajar muslim.

Pemberian kewangan zakat untuk program pembangunan pelajar muslim dibenarkan menggunakan peruntukan zakat melalui asnaf fisabilillah dalam bentuk

pengajaran program yang boleh membangun dan meningkatkan kualiti pelajar muslim.

Majlis itu juga menyaksikan penyerahan bantuan wang zakat diberikan kepada Nurbaitul Izzah Nordin, pelajar baharu yang cacat kedua-dua belah kakinya. Beliau yang berjaya melanjutkan pelajaran ijazah pertama ke UPM dalam bidang Sains (Biologi) menerima wang bantuan zakat sebanyak RM5,000.

Selain agihan untuk pembangunan pelajar, UPM telah mengagihkan wang bantuan zakat kepada pelajar yang berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah, termasuklah penjaja berpendapatan RM500 ke bawah, penuntut istimewa (orang kurang upaya) dan juga saudara baru.

Dari Januari hingga Jun

2009, sebanyak RM394,619 wang bantuan zakat telah diagihkan kepada 615 orang pelajar di UPM.

Wang zakat yang disalurkan ini merupakan hasil pemotongan gaji kakitangan UPM secara bulanan melalui Tabung Amanah Zakat UPM dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Azali Mohamed yang menyempurnakan majlis penyerahan itu berkata, UPM sentiasa berusaha membantu pelajar dan memberikan sokongan secara berterusan.

"Ini bagi memastikan pelajar-pelajar UPM dapat mengedukasikan pencapaian akademik sehingga menamatkan pengajian dengan cemerlang," katanya

CaRE – Tawar Khidmat Sokongan Kepada Pesakit Kanser

Oleh Ili Syazwani Zahimi

SERDANG - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Dato' Seri Shahrizat Abd. Jalil merasmikan Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE) atau Cancer Resources & Education Center (CaRE) Universiti Putra Malaysia (UPM) yang terletak di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UPM.

Beliau juga turut melancarkan bahan penerbitan pusat itu setelah melawat pejabat CaRE yang terletak di tingkat 7, Makmal Blok A, FPSK dan dibangunkan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM), Cornell University, KanWork dan rakan kongsi yang lain.

Terdapat 11 judul penerbitan hasil kajian penyelidikan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan kanser telah dilancarkan oleh pihak IPSAS, iaitu sembilan judul mengenai pendidikan kanser merangkumi tajuk rawatan, pemakanan dan penjagaan.

Dato' Sri Shahrizat berharap agar UPM memberi sokongan padu inisiatif penyelidikan kanser yang

dipelopori oleh CaRE terutamanya dengan peningkatan kanser pada kaum wanita.

"Kementerian telah meluluskan peruntukan program untuk membantu penghidap kanser dan ahli keluarga mereka" katanya yang turut memperkenalkan persatuan pesakit kanser iaitu KanWork.

Prof. Dr. Mazanah berkata CaRE berpotensi menjadi pusat rujukan nasional dalam bidang pendidikan dan perkhidmatan kanser bagi seluruh masyarakat yang diuruskan oleh Laboratori Pendidikan & Kanser (CaEd Lab) Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) UPM, selain berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penyakit kanser dan membantu pesakit kanser.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata Institut Penyelidikan Sains Sosial, UPM telah menyediakan pelbagai jenis maklumat penyelidikan tentang kanser dalam versi bahasa Melayu



Foto | Noor Azreen Awang

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Y.B. Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil menandatangani plak perasmian Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE)

termasuk bimbingan membuat keputusan untuk menentukan rawatan, penjagaan dan aspek kesihatan.

Usaha UPM menubuhkan CaRE pada dasarnya merupakan usaha sama antara UPM dengan Cornell University dalam projek "Cancer Education and Research" (CaEd).

Penubuhan CaRE ini

berperanan penting dalam usaha memanjangkan hasil penyelidikan tentang kanser kepada klien atau golongan sasaran selaras dengan aspirasi CaEd untuk mewujudkan sebuah pusat rujukan nasional yang terunggul dalam bidang pendidikan dan sokongan kanser demi mempertingkatkan kesedaran masyarakat.

181 Pelajar sertai Kempen Buah Pinggang

Oleh Khairil Sarip

SERDANG - 181 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai acara konvoi berbasikal dan bermotosikal serta berjalan kaki bagi menyokong Kempen Kesedaran Penyakit Buah Pinggang sempena Hari Buah Pinggang Sedunia Peringkat Kebangsaan 2009 di Hospital Serdang baru-baru ini.

Pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof. Madya Dr. Latifah A. Latiff berkata 51 pelajar UPM berbasikal bermula di Hospital Serdang ke pintu utama UPM.

"50 pelajar berjalan kaki mengedarkan risalah kepada orang ramai mengenai penyakit berkaitan buah pinggang untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan fungsi dan pencegahan kerosakan buah pinggang.

"Manakala 80 pelajar lain menyertai konvoi motosikal yang bermula di Hospital Serdang hingga ke Bangi sebelum kembali semula ke hospital," katanya.

Acara basikal dan motosikal dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew pada 7.30 pagi.

Program Kesedaran Penyakit Buah Pinggang itu merupakan program anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia dan Persatuan Nefrologi Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Aktiviti lain yang dianjurkan ialah kaunseling pemakanan, pameran kesihatan, pertandingan mewarna, unit pemeriksaan kesihatan bergerak selain aktiviti motorthon dan basikathon.

Majlis perasmian Hari Buah Pinggang Sedunia dirasmikan Menteri Kesihatan Malaysia, Dato' Sri Liow Tiong Lai dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd Ismail Merican dan Presiden Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, Tan Sri Dato' Dr. Abu Bakar Suleiman.

UPM Runding Penyelidikan Hutan Paya Laut Matang

Oleh Awang Noor Abd. Ghani, Ph.D dan Khairul Anuar Muhamad Noh
Foto oleh Marina Ismail



Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjalankan projek rundingan penyelidikan Hutan Paya Laut Matang (HPLM) untuk membantu pihak berkepentingan kawasan tersebut baru-baru ini.

Kajian tersebut akan menghasilkan input yang akan digunakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) dalam menyediakan Rancangan Kerja Sepuluh Tahun kawasan hutan tersebut bagi tempoh 2010 hingga 2019.

Projek yang dijalankan di HPLM akan memberikan maklumat berguna untuk mencapai matlamat pengurusan sumber bakau secara lestari untuk pengeluaran kayu serta menjamin pendapatan penduduk setempat serta menjaga alam sekitar.

Potensi sumber bakau untuk membangun industri pelancongan juga akan dikaji menerusi analisis stakeholder menerusi projek perundingan-penyelidikan yang bermula sejak awal tahun lalu dan dijangka siap pada Disember depan dibiayai oleh JPNP.

Ketua projek, Prof. Madya Dr. Awang Noor Abd. Ghani yang juga Dekan Fakulti Perhutanan UPM berkata matlamat utama projek tersebut ialah untuk menyediakan dan menggubal sifir isipadu setempat (local volume table) untuk digunakan dalam penentuan dan pengiraan stok pokok dalam HPML.

"Kita juga menjalankan analisis stakeholder ke atas komuniti yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kawasan ini.

"Output projek ini akan menghasilkan satu model membentuk sifir isipadu setempat yang boleh membuat anggaran isipadu pokok dengan mengukur perepang paras dada (ppd)," katanya ketika membuat lawatan penyelidikan selama tiga hari ke kawasan itu dengan menaiki bot bersama 45 pegawai pengurusan, penyelidik dan pegawai UPM yang

diketahui oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Selain itu lawatan penyelidikan tersebut turut disertai oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Prof. Dr. Abu Bakar Salleh dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat Prof. Dr. Tai Shzee Yew.

"Projek rundingan penyelidikan oleh UPM di sini selaras dengan tagline UPM kerana Hutan Paya Laut Matang ialah hutan tropika yang perlu dipulihara dan dilestarikan bersandarkan tagline ini,"

- Naib Canselor

Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha menyifatkan lawatan ke kawasan HPLM dan ke Kuala Gula Birds Sanctuary dengan menyusuri beberapa sungai dan muara merupakan pendedahan kepada staf UPM mengenai dua komponen utama dalam tagline UPM 'A World Leader in New Tropical Agriculture' iaitu *sustainability development* dan *environmental friendly*.

"Saya menggalakkan pegawai-pegawai muda menyertai lawatan ini kerana mereka seperti duta yang boleh menerangkan kaitan antara usaha penyelidikan UPM di sini dengan dua komponen tersebut kepada warga UPM yang lain."

Sementara itu Dr. Awang berkata

projek itu juga dapat mengenalpasti kawasan bakau dan bukan bakau serta mengelaskan zon hutan paya laut kepada zon pengeluaran, zon perlindungan, zon tidak produktif dan sebagainya berdasarkan teknologi *remote sensing* dan inventori lapangan.

Katanya inventori hutan di lapangan dan taksiran stok dirian HPLM akan dapat diketahui dan digunakan untuk membuat rancangan kerja HPLM bagi tempoh 2010-2019.

"Output analisis stakeholder dapat mengkaji profil stakeholder yang tinggal di sekitar kawasan HPLM serta mendapat maklumat sumbangan sosio-ekonomi serta kebergantungan HPLM kepada stakeholder, persepsi mereka terhadap pengurusan dan impak usahasil ke atas kehidupan mereka seharian," katanya.

Penyelidik dan pakar runding yang terlibat ialah Prof. Madya Dr. Abdullah Mohd, Dr. Kamaruddin Mohd Noor, Prof. Madya Dr. Ahmad Ainuddin Nuruddin, Dr. Kamziah Abd. Kudus dan Ismail Adnan Abdul Malik, masing-masing berlatarbelakang bidang inventori hutan, GIS, perancangan rekreasi dan pelancongan eko, analisis stakeholder dan komuniti, pengurusan hutan dan statistik.

LATAR BELAKANG HUTAN PAYA LAUT MATANG (HPLM)

HPLM merupakan hutan paya laut yang diurus secara terbaik di dunia. Keluasan kawasan hutan ini ialah 40,446 hektar dan terletak dalam daerah Kerian, Larut dan Matang dan Manjung. Kawasan hutan ini berbentuk bulan sabit mempunyai kelebaran sejauh 13.5 km dan di bahagian tengah panjangnya pula ialah 51.5 km. Ia terdiri daripada 19 hutan simpan yang diwartakan secara berasingan dan mempunyai sebanyak 108 kompartmen.

Hutan Paya Laut Matang mempunyai sejarah pengurusan yang panjang apabila rancangan kerja pertama disediakan oleh A.E. Wells dalam tahun 1904. Pada awalnya kegunaan sumber kayu dari hutan paya laut ini adalah untuk kayu api, sebagai bahan mentah dalam pengeluaran arang dan pengeluaran kayu jaras.

Dengan meningkatnya keperihatinan dan kepentingan alam sekitar, pengurusan HPLM telah memberi penekanan dalam rancangan kerja dalam beberapa dekad yang lepas. Ini termasuklah penekanan ke atas pemuliharaan dan perlindungan sumber-sumber dan alam sekitar untuk menjamin pengkalan habitat hidupan liar, pengeluaran perikanan, rekreasi, pelancongan eko, pendidikan, penyelidikan dan pemuliharaan kepelbagaian hayat.

Dalam Rancangan Kerja sepuluh tahun yang mula diamalkan sejak tahun 1930, maklumat penting mengenai stok dirian serta potensi hasil perlu diketahui dengan tepat beserta lokasinya.

Berdasarkan kepada maklumat ini, zon pengurusan akan ditentukan iaitu zon produktif, zon pengeluaran terhadap, zon perlindungan dan zon tak

produktif. Pengelasan kepada zon ini adalah berdasarkan kepada kriteria seperti keadaan stoking dan dirian hutan, tanah dan kepentingan sumber hutan lain.

Peranan HPLM adalah amat penting dalam membekalkan bahan mentah (*greenwood*) dalam pengeluaran arang secara berterusan. Kawasan pengeluaran kayu adalah diuruskan berasaskan prinsip pengurusan hutan berkekalan (*sustained yield management*) dengan tempoh pusingan tebanan selama 40 tahun.

Bagi menjamin bekalan yang berterusan pada masa akan datang,

sebanyak 348 dapur arang.

Sumbangan terbesar HPLM adalah kepada industri perikanan di mana hasil tangkapan perikanan adalah berjumlah lebih kurang RM251 juta setahun. Ini termasuklah hasil tangkapan udang dan ikan, ternakan ikan dalam sangkar dan ternakan kerang. Ini menunjukkan bahawa pengurusan HPLM secara berkekalan amatlah penting supaya hasil tangkapan ikan dan udang serta hasil laut lain akan diperoleh secara berterusan dalam masa akan datang.

Di samping itu, nelayan yang dianggarkan seramai 4,909 orang



Prof. Madya Dr. Awang Nor Abd. Ghani (dua dari kiri) dan Prof. Dr. Tai Shzee Yew (tiga dari kanan) sedang menaiki bot menyusuri anak sungai di Hutan Paya Laut Matang

kriteria utama yang digunakan ialah potensi sumber kayu bakau yang ada dan berpotensi untuk pengeluaran arang. Kawalan yang dilaksanakan ialah menerusi kawalan kawasan (*area control*) dan isipadu (*volume control*).

Oleh sebab itulah kajian inventori hutan bagi menentukan dirian stok amat penting dilaksanakan. Buat masa ini, sumbangan hasil dari usahasil kayu bakau termasuk pengeluaran kayu jaras dan pengeluaran arang berjumlah lebih kurang RM30 setahun dengan memberikan pekerjaan langsung kepada seramai lebih kurang 1,260 orang.

Terdapat seramai 71 kontraktor yang terlibat secara langsung dalam pengeluaran kayu jaras dan 86 kontraktor yang mengusahakan

dan bergantung hidup kepada industri perikanan dapat meneruskan hidup mereka pada masa akan datang. Ini secara tidak langsung boleh menjamin pendapatan yang berkekalan.

Ekosistem HPLM merupakan habitat penting kepada kehidupan laut dan kemusnahan serta pengurusan secara tidak lestari boleh memberi kesan negatif kepada sumber pendapatan penduduk dalam jangka panjang.


Di peringkat global, beberapa cadangan telah banyak dikemukakan oleh banyak agensi hasil beberapa kajian yang melibatkan komuniti hutan paya laut di seluruh dunia untuk mengguna dan mengurus sumber bakau, persisiran dan perikanan secara optimum dan berkesan.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah sedang menanam pokok spesies Nyireh selepas taklimat dan tinjauan paya bakau di Pusat Eko Pelajaran HPML Kuala Sepetang bersama Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Sila hubungi Bahagian Pemasaran Penerbit UPM 03-8946 8851 atau penerbit@putra.upm.edu.my untuk pembelian

Susunan Sharil Nizam Sha'ri & Muhamad Hardhami Arshad



Memperkasakan Pendidikan Negara : Isu & Cabaran

Editor : Tajularipin Sulaiman & Wan Zah Wan Ali
Tahun : 2008
ISBN : 978-967-344-034-4
152 muka surat

Memperkasakan Pendidikan Negara Isu dan Cabaran mengupas perkembangan, isu dan cabaran yang berlaku dalam pendidikan

negara untuk diketahui oleh setiap individu. Bidang keguruan dan pendidikan negara sentiasa berkembang dan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Hakikatnya, berhadapan dengan para pelajar sekarang yang sememangnya jauh berbeza dengan pelajar pada masa dahulu sangat menuntut keprihatinan dan kepekaan golongan pendidik terhadap kehendak masyarakat masa kini.

Olahan idea yang lengkap, lagi praktikal beserta pula idea yang relevan dalam buku ini ketika membincangkan dasar pendidikan dan impak falsafah pendidikan di IPT, membahasakan isu sosialisasi di


sekolah dan hubungan sekolah dengan komuniti dan mengupas hasil kajian tentang kemahiran pengurusan masa dalam kalangan pelajar IPT. Seterusnya, mencambah minda pendidik yang cemerlang untuk melihat isu dan cabaran penggunaan media pengajaran khususnya dalam era ICT pada masa kini serta membincangkan refleksi terhadap isu dan penyelesaian aspek penilaian di bilik darjah. Buku ini amat sesuai dibaca oleh bakal pendidik, guru, pensyarah dan individu yang berminat untuk mengetahui isu dan perkembangan dalam bidang pendidikan negara.

Dimensions of Communication Malaysia Experience

Editors : Mohd Nizam Osman, Siti Zobidah Omar, Hamisah Hassan & Narimah Ismail
Year : 2008
ISBN : 978-967-5026-32-4
Pages : 271

Rapid advances in communication technologies, especially through the technological advances made in the fields of computing and telecommunication technologies may have a significant impact on the dimensions of communication, at the interpersonal, social, political and economic levels.

The articles in the book explore and discuss extensively various disciplines concerning the dimensions of communication in Malaysia. The articles included in the book include cover areas such as journalism, communication technology, media studies, broadcasting and telecommunication and public relation.



Kerjaya Mendatar : Pengalaman Pegawai Sektor Awam

Pengarang : Mat Sani Hassan & Maimunah Ismail
Tahun : 2009
ISBN : 978-967-344-054-2
152 muka surat

Kerjaya Mendatar merupakan satu situasi yang mana individu tidak mengalami kenaikan pangkat dalam sesebuah organisasi dalam satu jangka masa tertentu atas sebab faktor peribadi, struktur organisasi dan faktor persekitaran. Buku Kerjaya Mendatar : Pengalaman Pegawai Sektor Awam terhasil berdasarkan satu tesis Ph.D yang bertajuk Peranan Faktor Pembangunan Kerjaya sebagai Moderator dalam Hubungan antara Kerjaya Mendatar dan Hasil Kerja yang telah disempurnakan pada tahun 2008. Buku ini diterbitkan sesuai dengan visi dan misi Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai sebuah Universiti Penyelidikan. Penerbitan buku ini dianggap signifikan kerana ia dapat menambah khazanah akademik daripada penyelidikan siswazah selain daripada penghasilan tesis itu sendiri yang terhad penggunaannya.

Buku ini merungkai pengertian kerjaya dan kerjaya mendatar, dan mencadangkan tindakan yang perlu dijalankan oleh organisasi dalam menangani pegawai yang mengalami situasi kerjaya mendatar. Kekuatan buku ialah penulisannya berasaskan penyelidikan dengan menggunakan data empirikal daripada sampel pegawai perkhidmatan awam dan ditulis dalam bahasa yang mudah difahami. Buku ini sesuai digunakan sebagai rujukan oleh penyelidik, ahli akademik dan pengurus dalam bidang pendidikan dan pembangunan sumber manusia.



Ayer Hitam Forest : The Green Lung of Klang Valley

Author : I. Faridah-Hanum
Year : 2009
ISBN : 978-967-5026-72-0
Pages : 105

Ayer Hitam Forest : The Green Lung of Klang Valley is illustrated with many colourful photographs that represent some of the most splendid features of this biodiverse forest. Published with the financial support from Universiti Putra Malaysia, this book is intended to create better public awareness of the biodiversity it houses and the importance of its presence to the general public, the University and the environment in the vicinity specifically, and Klang Valley generally for now and the generations to come.



Turning Perspectives on South East Asian Music Practices

Author : Gisa Jahnichen
Editor : Zahid Embi
Year : 2008
ISBN : 978-967-5026-82-9
Pages : 310


Turning Perspectives on South East Asian Music Practices is a book on interregional and intercultural exchange of music practices. The author connects the music practices of Malaysia to other regions and histories such as for Yemen, the Middle East and India or that of Indochina to East Asia.

As a musicologist and ethnomusicologist with an anthropological background, the author is not

content with merely presenting transcriptions and illustrations and motional patterns and gestures. She goes beyond, extending her scope further by relating music to gender, cultural and psychological identity, social functions and the influence of culture on the preservation and renovation of music. For example, in the essays on Teaching Ca Tru and Teaching Humility, and Zapin Music-History and Future, she examines the philosophical question

of preservation strategies in North Vietnam and Malaysia.

Further, in her essays Cultural Environment and Gendering Musical Instruments, Gender Construction in Shamanism and Lullabies and Some Prejudices, the author tackles gender issues in music, relating gender to musical instruments, to the sound and motion codes of the shaman and the maintenance of gender biases and prejudices through lullabies.



ICOT 2009 Meriah

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

KUALA LUMPUR – Majlis perasmian Persidangan Pemikiran Antarabangsa (ICOT) ke-14 2009 telah dirasmikan dengan meriahnya oleh Menteri Pengajian Tinggi Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di sini hari ini.

Seramai 1,000 peserta dan perwakilan yang majoritinya terdiri daripada peserta luar negara telah menyaksikan perasmian tersebut yang menonjolkan budaya negara seperti pukulan 'Gendang Sembilan' dan tarian bertajuk 'Malaysia Truly Asia' dan 'One Malaysian'.

Universiti Putra Malaysia selaku hos menjadikan Malaysia sebagai negara Asia kedua selepas Singapura menjadi tuan rumah Persidangan Pemikiran Antarabangsa (ICOT) ke-14 sejak

membidanya dari tahun 2005.

Khaled dalam ucapan perasmian berkata rakyat Malaysia perlu meningkatkan idea dengan kepakaran yang analitis dan pasukan yang berimaginasi agar tanggapan tidak bergerak dan lapuk dapat dikikis.

Khaled berkata tema persidangan ICOT iaitu 'Thinking Minds: Nurturing The Design of A Better Future' terbukti mempunyai kaitan terutama dengan keadaan semasa bagi mengekalkan apa yang ada, disamping bagi menjamin persekitaran masa depan yang positif dan sihat.

Sementara itu, pengerusi ICOT 2009 Prof Madya Dr Shameem Rafik-Galea berkata beliau berharap persidangan itu

akan mendedahkan masyarakat dengan pelbagai kemahiran berfikir yang mungkin boleh digunakan dalam kehidupan seharian.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata ICOT 2009 melibatkan lebih 800 peserta dari dalam dan luar negara dengan melibatkan lebih 290 pembentangan kertas kerja oleh penceramah terkemuka daripada pelbagai bidang pemikiran seperti pendidikan, sains, politik, sosial, ekonomi, perniagaan, pengurusan, seni, kebudayaan, kesihatan, kepimpinan, media, kemanusiaan dan industri.

"Antara penceramahnya ialah Dr. Edward De Bono – pakar pemikiran kreatif, inovasi dan pengajaran langsung kemahiran berfikir dan Tony Buzan – pakar minda, pembelajaran dan kemahiran berfikir dengan tajuk syarahan 'Creating the Ultimate Thinker in the Century of the Brain'.

ICOT 2009 merupakan persidangan yang dianjurkan oleh sukarelawan untuk merealisasikan kaedah berkesan berfikir dalam pembelajaran dan pengajaran hasil idea Dr. Edward de Bono dan Prof. Robert Rosenthal dari Universiti Harvard.

Persidangan hasil kerjasama Jawatankuasa Tertinggi Antarabangsa yang diketuai Prof. Dr. David Perkins dari Universiti Harvard telah berusia 22 tahun pernah diadakan di Fiji pada 1982, Puerto Rico 1989, Singapura 1997, Kanada 1999, New Zealand 2001, United Kingdom (2002), Amerika Syarikat (1984, 1987, 1994 dan 2003) dan Swiden 2007.



Peserta luar negara ikut serta menari kerana tertarik dengan tarian melayu semasa prapelancongan ICOT 2009 di UPM.

Foto | Noor Azreen Awang

Nik Mustapha - 'Rethinking Agriculture' de Bono - 'Inadequate Thinking'

Oleh Lt. M. Mohd. Firdaus Zakaria

KUALA LUMPUR – Proses anjakan paradigma dalam sektor pertanian penting untuk menjamin pembangunan negara yang holistik, peningkatan kualiti hidup dan pembentukan kekayaan secara mampan.


Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah perkara itu didorong oleh perubahan senario semasa peringkat global dan dalam negara melalui penekanan terhadap isu seperti krisis makanan, kemiskinan dan pemeliharaan alam sekitar.

Selain itu katanya, seruan dan fokus kerajaan untuk memperkasakan bidang pertanian dalam Rancangan Malaysia ke-9 turut menjadi faktor utama usaha transformasi selain kepesatan teknologi yang turut menyumbang kepada kemajuan sektor pertanian.

"Sektor pertanian perlu mendapat sokongan bidang lain ke arah pemikiran pertanian moden melalui integrasi pertanian dan teknologi pintar seperti bioteknologi, ICT, nanoteknologi dan pengurusan strategik.

"Persepsi pemikiran masyarakat harus diubah kerana kita sering mengaitkan pertanian dengan kerja yang kotor dan untuk golongan miskin, walhal pertanian merupakan kunci kepada segala aktiviti ekonomi yang lain seperti sektor pembuatan dan pengeluaran," katanya.

Beliau berkata ketika membentangkan plenary session bertajuk Rethinking Agriculture, a Paradigm Shift pada hari terakhir International Conference on Thinking (ICOT) 2009 kali ke-14.



Edward de Bono dalam sesi persidangan menerangkan formula pemikiran beliau.

Foto | Noor Azreen Awang

Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha berkata stereotaip tersebut boleh diubah melalui aplikasi dan integrasi teknologi terkini dalam bidang pertanian contohnya melalui projek *Wireless Sensor Network* yang menjadi salah satu projek kolaborasi UPM dengan kerajaan yang menggambarkan setiap aktiviti pertanian hanya dijalankan melalui teknologi di hujung jari.

"UPM memainkan peranan penting dalam proses transformasi pertanian global melalui usaha menerajui bidang pertanian tropika berdasarkan Pelan Transformasi UPM. Semua pelajar UPM dari pelbagai bidang pengajian akan diberi pendedahan kepada pengetahuan umum untuk mencapai anjakan paradigma ke arah pertanian baharu," katanya yang memberi banyak contoh mengenai pembaharuan dalam bidang pertanian di Malaysia terutama

pengajian pertanian di UPM ketika pembentangnya di sini.

Ucuptama sebelum sesi penutup pula disampaikan oleh tokoh revolusi pemikiran dan pembelajaran, Edward de Bono dengan tajuk *The biggest problem facing the world is not climate change but inadequate thinking*.

Beliau amat terkenal dengan kajiannya yang mempunyai kesan penting dalam pengajaran dan pembelajaran serta tokoh yang dikagumi dengan perkataan *Lateral Thinking*.

De Bono menyentuh tentang pendekatan inovatif pemikiran seperti *Six Thinking Hats*, *Lateral Thinking*, *Direct Attention Thinking Tools* dengan berkongsi idea bersama para peserta mengenai pemikiran tersebut.

Six Thinking Hats ialah teknik untuk membuat keputusan dengan cepat dan



Tony Buzan (dua dari kiri), Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin (tengah) dan Pengerusi Konferens ICOT, Dr. Shameem Rafik Galea (kanan).

Foto | Ahmad Fua'ad Alwi

Tun Mahathir Kongsi Idea Lahir Pemimpin Baik



Foto | Ahmad Fua'ad Alwi

KUALA LUMPUR – Seorang pemimpin harus berdisiplin untuk mengasingkan kerja peribadi dan memberikan lebih fokus kepada kerja-kerja pembangunan Negara walaupun negara tersebut miskin, kata mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Dalam pemikiran, anda juga harus berdisiplin kerana pemikiran yang berdisiplin mampu memberi keputusan yang diingini," katanya dalam ucap utama bertajuk "Asian Political Leadership: Disciplined Thinking For Change" pada hari kedua International Conference on Thinking (ICOT) 2009 kali ke-14 anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini.

Konferens selama lima hari mendapat sambutan lebih daripada 200 peserta dari 42 negara, dengan New Zealand mencatat delegasi teramai iaitu 160 orang.

Tun berkata lebih baik untuk merasa sedikit was-was tentang penyelesaian yang diutarakan oleh pihak luar dengan memberi contoh insiden IMF semasa krisis ekonomi Negara pada 1997.

Beliau berkata dalam kes tersebut, proses pemikiran disiplin yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia

dahulu mampu membentuk satu sistem untuk menyelamatkan Negara daripada krisis ekonomi, bukan seperti pihak yang menerima penyelesaian alternatif yang ditawarkan oleh the world monetary fund body.

